**Balai Seni Lukis Negeri, JOM!** MS 14 & 28



**Wawancara : Banjir kilat di Bayan Baru** MS 9

OKTOBER 1-15, 2019

PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pengisytiharan MBSP detik bersejarah TAHNIAH SEMUA!

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD & AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM -** Pulau Pinang melakar satu lagi sejarah apabila Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) secara rasminya dinaik taraf dan dikenali sebagai Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) berkuat kuasa 16 September lalu.

Pengisytiharan disempurnakan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas pada majlis penyerahan surat cara pengisytiharan MBSP di sini.

Upacara majlis pengisytiharan bermula dengan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menyerahkan surat cara pengisytiharan tersebut kepada Abdul Rahman sebelum beliau (Abdul Rahman) menzahirkan lafaz pengisytiharan MBSP sebagai bandar raya.

Serentak itu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyempurnakan bacaan surat cara pelantikan Dato' Sr. Rozali Mohamud sebagai Datuk Bandar Seberang Perai di hadapan Abdul Rahman.

Rozali kemudiannya melafazkan penerimaan jawatan serta mempersembahkan ikrar setia di hadapan Abdul Rahman sebelum dikalungkan dengan Kalung Jawatan serta penyerahan cokmar kepadanya.



RUPA bentuk cokmar MBSP.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri; ex-officio serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai MBSP.

Dalam pada itu, Rozali ketika ditemui menzahirkan rasa gembira atas pengisytiharan MBSP dan pelantikan beliau sebagai Datuk Bandar pertama Seberang Perai.



**KETUA Menteri diapit oleh kedua-dua Datuk Bandar PBT negeri ini iaitu Sr. Rozali Mohamud (kanan) dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang sejurus majlis pengisytiharan bersejarah MBSP di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata, kejayaan tersebut dicapai dengan adanya sokongan padu daripada Ketua Menteri, Exco berkaitan, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan warga Seberang Perai khususnya Wira Oren yang begitu banyak berjasa.

"Saya bagi pihak warga kerja MBSP ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga Seberang Perai yang sentiasa bekerjasama dalam semua program yang kita adakan, kerana tanpa kerjasama penduduk kita tidak mungkin dapat taraf bandar raya," katanya.

Difahamkan, MBSP menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) ke-15 diiktiraf sebagai Majlis Bandaraya di negara ini.

Malah, pengisytiharan tersebut juga meletakkan Pulau Pinang sebagai satu-satunya negeri dengan kedua-dua PBT bertaraf bandar raya.

*(Lagi gambar di muka 2).*

# Perpaduan sebagai teras utama perlu terus diperkasakan




**DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi Ketua Menteri dan Law Choo Kiang (kanan sekali) menyampaikan piala-piala kemenangan kepada pasukan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang pada Majlis Sambutan Hari Malaysia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**SEBERANG JAYA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow melahirkan rasa syukur apabila semangat patriotisme masih utuh dalam diri setiap rakyat Malaysia meskipun terdapat pelbagai propaganda yang cuba merobohkan perpaduan negara.

Katanya, tema 'Sayangi Malaysiaku: Malaysia Bersih' sudah cukup menggambarkan harapan semua untuk terus melihat perpaduan sebagai teras utama yang harus diperkukuh dan diperkasakan demi sebuah negara bersih.

"Melihat kepada keseluruhan sambutan dan penglibatan masyarakat, Kerajaan Negeri amat bangga dengan komitmen dan semangat kerjasama yang telah ditunjukkan oleh pelbagai lapisan masyarakat dalam menyemarakkan semangat kemerdekaan ini.

"Dalam masyarakat majmuk yang diwarnai dengan kepelbagaian budaya serta latar belakang, kita masih meraikan perbezaan dan menolak titik perselisihan yang boleh merosakkan hubungan yang sedia terjalin ini.

"Sebagaimana Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, institusi keluarga yang merupakan unit terkecil dalam asas pembentukan masyarakat menjadi intipati serta teras utama bagi merealisasikan visi bersama ini," ucap beliau pada Majlis Sambutan Hari Malaysia 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 16 September lalu.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff hadir menyerikan majlis sambutan.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Dato' Law Choo Kiang; Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (Timbalan Ketua Menteri I); Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II); Dato' Sarul Bahiyah Abu (Pegawai Kewangan Negeri); Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli-ahli Parlimen serta Konsul-Konsul dan Konsul Kehormat.

Di peringkat negeri, Kerajaan Negeri telah memulakan sambutan dan kehangatan Bulan Kebangsaan dengan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang pada 8 Ogos lalu.

Acara kemuncak perarakan Hari Kebangsaan 2019 yang berlangsung meriah pada 31 Ogos lalu dekat Dewan Pemuda Merdeka, Butterworth disertai seramai 113 kontinjen melibatkan keseluruhan 6,490 orang peserta.

Serentak majlis sambutan, sebanyak enam kategori yang dipertandingkan pada perarakan Hari Kebangsaan 2019 dan dua kategori bagi Kempen Kibar Jalur Gemilang turut diumumkan diikuti majlis penyampaian hadiah.

Bagi perarakan, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang mengungguli Kategori Sektor Awam Negeri manakala Sektor Awam Persekutuan dinobatkan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).

Empat kategori lain iaitu Sektor Swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dimenangi oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) Pulau Pinang, Pancaragam Sekolah *(St. Xaviers Marching Band)*, Institusi Pengajian Tinggi (Universiti Sains Malaysia, USM) dan Ko-Kurikulum Sekolah (Kadet Pertahanan Awam SMK Convent Bukit Mertajam).

Manakala, bagi Kempen Mengibar Jalur Gemilang, Kategori Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) diungguli oleh MPKK Bandar Tasek Mutiara, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dan Kategori Kelab Rukun Tetangga (KRT Taman Sungai Dua Utama, Seberang Perai Utara, SPU).

*(Dari muka 1).*



**SR. Rozali Mohamud (kiri) menandatangani surat lantikan beliau sejurus Ketua Menteri membacakan surat cara pelantikannya sebagai Datuk Bandar di hadapan TYT.**



**TYT (kanan sekali) mengalungkan Kalung Jawatan kepada Datuk Bandar MBSP.**



**ZURAIDA Kamaruddin (kiri sekali) menyerahkan surat cara pengisytiharan MBSP kepada TYT.**

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Komited pastikan rakyat peroleh infrastruktur, persekitaran kediaman selesa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**KETUA Menteri bersama-sama Jagdeep Singh Deo (dua dari kiri) dan Daniel Gooi Zi Sen (kiri sekali) menyempurnakan gimik perasmian kerja-kerja mengecat semula dan kerja-kerja berkaitan di Rumah Pangsa Gat Lebuh Noordin dekat sini baru-baru ini.**

**PENGKALAN KOTA** - Kerajaan Negeri kekal komited dalam memastikan rakyat negeri ini mendapat infrastruktur dan persekitaran kediaman selesa selaras dengan Visi Penang2030 yang memberi penekanan terhadap pembangunan keluarga.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa transformasi fizikal ke atas kediaman bertingkat terutamanya, bukan sahaja mampu memberikan wajah baharu, malah juga mewujudkan suasana lebih ceria dan harmoni kepada penduduk setempat.

"Selain itu, isu-isu berkaitan penyelenggaraan juga adalah amat penting dan kita (Kerajaan Negeri) mahu semua penduduk mengambil berat akan isu berkaitan (kediaman masing-masing).

"Sebagai penduduk di kediaman bertingkat seperti ini, perlu ada rasa tanggungjawab untuk menjaga persekitaran agar bersih serta selesa supaya semua dapat merasai kehidupan yang bahagia.

"(Dan) sekiranya terdapat sebarang kerosakan, boleh hubungi pihak berwajib untuk tindakan segera," ucapnya ketika hadir merasmikan kerja-kerja mengecat semula dan kerja-kerja berkaitan di Rumah Pangsa Gat Lebuh Noordin dekat sini 7 September lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Pengerusi Persatuan Penduduk, Ng Swee Nyeoh serta beberapa wakil daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Timur Laut dan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri.

Mengulas mengenai kos mengecat semula Rumah Pangsa Gat Lebuh Noordin, Kon Yeow memberitahu bahawa sejumlah RM284,900 telah diperuntukan oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja berkaitan yang mengambil masa selama 24 minggu sejak Jun lalu.

"Selain rumah pangsa di Gat Lebuh Noordin ini, terdapat dua lagi projek menaik taraf sedang dijalankan iaitu di Rumah Pangsa Batu Lancang dengan kos RM386,000 dan di Rumah Pangsa Desa Wawasan dekat daerah Seberang Perai Tengah (RM1,552,255).

"Saya berharap semua penduduk yang terlibat dengan kerja-kerja menaik taraf dapat memberikan kerjasama supaya ia dapat disiapkan mengikut waktu yang telah dirancang," serunya yang turut menzahirkan penghargaan kepada pihak-pihak terlibat bermula daripada pemilihan skim warna sehingga selesai kerja-kerja berkaitan kelak.

Rumah Pangsa Gat Lebuh Noordin merupakan antara kediaman bertingkat paling awal dibina di Pulau Pinang. Dengan lokasinya yang terletak antara laluan utama ke pusat bandar dan kawasan tumpuan pelancongan, sememangnya kerja-kerja mengecat semula bangunan 384 unit rumah tersebut akan memberi wajah baharu yang lebih segar.

Dalam pada itu, Jagdeep ketika ditemui menyatakan bahawa sejak 2008 kos penyelenggaraan yang melibatkan penyelenggaraan kecil, lif, pembetungan, kontrak kebersihan, perkhidmatan kawalan keselamatan, pembayaran utiliti dan cukai pintu menelan belanja sebanyak RM76,736,309.02.

Manakala, tambahnya, di bawah Belanja Pembangunan P01 yang membabitkan kerja-kerja membina taman permainan, landskap, cat, baik pulih keretakan struktur, tangki air, pam air dan sistem perpaipan pula menelan kos RM100,057,670.55.

"Hal ini bermakna, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sejumlah RM176,793,979.57 bagi tujuan penyelenggaraan di perumahan awam di negeri ini.

"Bukan itu sahaja, kerja-kerja mengecat di perumahan awam kos rendah sejak 2008 juga melibatkan suatu jumlah yang besar iaitu RM4,002,272.68.

"Inilah komitmen Kerajaan Negeri kepada rakyat di negeri ini seperti yang dinyatakan oleh Ketua Menteri sebelum ini," ujar beliau sambil mengulangi komitmen berterusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 30 Ogos lalu bagi Projek Penyelenggaraan Perumahan (PPP2020).

"Permohonan tersebut melibatkan penggantian lif sebanyak 33 unit, tangki (169 unit), bumbung (320), cat bangunan (18 blok), pembaikan harta bersama (18 blok) dan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) sebanyak 54 unit.

"Keseluruhan projek tersebut membabitkan perbelanjaan berjumlah RM28,764,000 yang dipohon," jelasnya.

Malah, menurut Jagdeep, Kerajaan Negeri turut membuat permohonan bagi Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM2020) dengan jumlah RM72,134,683.59 iaitu 34 permohonan kerja daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 87 daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

## Teknik penanaman akuaponik selaras Visi Penang2030 ke arah negeri hijau

**BUKIT TAMBUN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan teknik penanaman secara akuaponik adalah jawapan kepada usaha Kerajaan Negeri untuk mewujudkan persekitaran yang lebih mampan pada masa hadapan.

Jelasnya, penggunaan teknik tersebut membolehkan sumber makanan di negara ini dihasilkan dengan cara yang lebih selamat, lebih hijau, sihat serta kurang penghasilan sisa yang akhirnya dapat memelihara alam semula jadi.

"Apa yang diusahakan oleh Aquaponics Science Park (Sdn. Bhd.) adalah selaras dengan Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri paling hijau di Malaysia didorong oleh ekonomi hijau, tadbir urus yang inovatif serta pembangunan lestari menjelang tahun 2030.

"Justeru, Kerajaan Negeri amat teruja untuk menjalinkan kerjasama dengan Aquaponics Science Park dalam menggalakkan pertumbuhan hijau di Pulau Pinang dengan penggunaan teknologi baru serta menambah baik persekitaran, ekonomi dan sosial bagi jangka masa panjang," ucap beliau pada program lawatan ke Aquaponics Science Park di sini 30 Ogos lalu.

Turut serta, isteri kepada Ketua Menteri, Puan Tan Lean Kee; Pengarah Aquaponics Science Park Sdn. Bhd., Goh Toh Sin; Pengurus Besar Aquaponics Science Park Sdn. Bhd., Yeoh Chee Min; Timbalan Pengerusi FMM Bahagian Pulau Pinang, Datuk Hun Keng Kuan serta wakil-wakil penaja.

Pada lawatan selama lebih satu jam tersebut, Kon Yeow dibawa meninjau tanaman sayur-sayuran hijau seperti cili, timun, peria, daun selasih serta banyak lagi yang berjaya dihasilkan melalui teknik akuaponik.

Selain penanaman sayur-sayuran, Aquponics Science Park turut mengusahakan penternakan hidupan akuatik seperti talapia merah, ikan emas, siakap, siput dan juga udang menggunakan kaedah sama.



**KETUA Menteri memerhatikan buah peria yang dihasilkan melalui teknik penanaman secara akuaponik pada program lawatan ke Aquaponics Science Park di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Ton Sin menjelaskan bahawa Automasi Akuaponik 4.0 bukan hanya mengenai pertanian dan akuakultur semata-mata, tetapi ia juga berkait rapat dengan pembangunan STEAM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik).

"Kami juga percaya bahawa masa depan makanan bermula dengan pendidikan.

"Oleh itu, Automasi Akuakultur 4.0 ini pasti dapat memupuk minat pelajar dalam STEAM, selain dapat mempelajari tentang makanan sihat serta tidak mengandungi toksik sejak dari usia muda dan seterusnya menggalakkan mereka untuk mengimplementasikan unsur-unsur tersebut terhadap alam sekitar.

"Selain itu, kami juga percaya bahawa walaupun tidak mampu mengubah minda pemain industri untuk tidak menggunakan racun perosak, tetapi ia jelas dapat mempengaruhi pasaran melalui pendidikan di sekolah-sekolah," ulasnya.

Difahamkan, Aquaponics Science Park dibangunkan di atas tanah seluas 557 meter (6,000 kaki persegi), berlokasi di ibu pejabat *Easy Pack* dekat *Penang Science Park*, Bukit Minyak.

## Sokong tubuh jawatankuasa siasatan bebas, siasat kematian pelajar

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong sepenuhnya penubuhan jawatankuasa siasatan bebas bagi meneliti punca kematian pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Heng Ee, dipercayai akibat simptom-simptom jangkitan *tuberculosis* atau tibi (batuk kering) pada 27 Ogos lalu.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, jawatankuasa itu akan diketuai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi meneliti secara terperinci sama ada wujud unsur kecuaian semasa rawatan awal dilakukan ke atas mendiang susulan beberapa isu yang dibangkitkan keluarga remaja berkenaan.

“Kerajaan Negeri juga pada masa sama mengambil maklum mengenai 33 individu termasuk pelajar dan guru dari sekolah berkenaan yang dipercayai terdedah dengan kuman tibi *(latent TB)* selepas ujian *Mantoux* (saringan tibi) dilakukan.

“Saya difahamkan bahawa ujian secara terperinci serta rawatan sewajarnya akan diberikan kepada mereka,” ujarnya pada sidang media di sini 18 September lalu.

Hadir sama, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Mengulas lanjut, Kon Yeow percaya bahawa pihak KKM melalui pelbagai agensi kesihatan akan terus memantau penularan wabak berkenaan.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri ingin menyeru orang awam supaya tidak menyebarkan maklumat palsu demi mengelakkan wujudnya kekeliruan dan situasi panik dalam kalangan masyarakat di negeri ini,” serunya sambil menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mendiang.

Dalam insiden pada 27 Ogos lalu, mendiang, Carmen Yee meninggal dunia di Hospital Pulau Pinang ekoran simptom-simptom jangkitan tibi.

# Komtar menang tempat ketiga Anugerah Tenaga ASEAN 2019

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Kejayaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Setia Urus (PDCSU) menjimatkan bil elektrik sebanyak RM2 juta dari tahun 2016 hingga 2018 membolehkan menara Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) memenangi tempat ketiga bagi Anugerah Tenaga ASEAN 2019.

Kejayaan tersebut merupakan penganugerahan antarabangsa pertama bagi ikon negeri Pulau Pinang berkaitan.

Ketua Pegawai Eksekutif PDCSU, Datuk Ir. Ang Choo Hong memberitahu bahawa anugerah anjuran *ASEAN Center of Energy* (ACE) tersebut disampaikan pada Mesyuarat Menteri Tenaga ASEAN 2019 yang diadakan pada 4 September lalu di Bangkok.

"Pelbagai langkah penjimatan tenaga diperkenalkan secara berperingkat sejak tahun 2016… beberapa sesi perbincangan juga diadakan bersama-sama barisan kakitangan sebagai pendekatan awal dan ia akhirnya memperoleh hasil yang menakjubkan.

"Menjelang tahun 2018, kami (PDCSU) mencatatkan penjimatan sebanyak RM2 juta atau 20 peratus berbanding 2016, daripada bil elektrik berjumlah RM11 juta kepada RM9 juta," ucapnya pada majlis makan malam meraikan kejayaan tersebut bersama-sama kakitangan PDCSU di sini 17 September lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah PDC.

Difahamkan, antara langkah penjimatan dilaksanakan PDCSU termasuk menutup saluran masuk punca haba, menukar unit pengendalian udara (AHU), meletakkan sensor pada tangga elektrik serta menukar tarif daripada B ke C1.



**TEH Lai Heng (tengah) menyaksikan Ir. Ang Choo Hong (kiri sekali) dan Mohd. Bazid Abd. Kahar saling memegang trofi dimenangi pada majlis makan malam meraikan kejayaan memenangi tempat ketiga Anugerah Tenaga ASEAN 2019 di sini baru-baru ini.**

Dalam pada itu, Lai Heng menyifatkan penurunan jumlah bil elektrik sebanyak RM2 juta bukan sesuatu yang mudah kerana banyak cabaran perlu dihadapi pihak PDCSU.

"Seperti kita ketahui, jururunding dilantik pun tidak sanggup untuk lakukan sehingga memaksa PDCSU melakukannya sendiri.

"Dengan kejayaan ini juga saya berharap kegemilangan Komtar dapat dikembalikan seperti era 80-an dan 90-an.

"Awal tahun hadapan, UTC (Pusat Transformasi Bandar) akan diwujudkan di sini, maka pertambahan pengunjung akan dicatatkan dan adalah diharapkan ia dapat mengembalikan kegemilangan Komtar serta membuka peluang pekerjaan baharu," katanya yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri.

Sebagai rekod, pada 1 Ogos lalu, Komtar juga turut memenangi Anugerah Tenaga Nasional Malaysia bagi kategori bangunan besar.

## Sekolah Kebangsaan Pulau Aman terima peruntukan bina tembok

**BUKIT TAMBUN -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman mengumumkan RM20,000 peruntukan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk pembinaan tembok baharu Sekolah Kebangsaan Pulau Aman.

Bercakap kepada pemberita, beliau berharap pencapaian akademik pelajar dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) harus terus menjadi keutamaan bersama walaupun sekolah tersebut mempunyai 20 murid sahaja serta dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM).

"Bagi tujuan tersebut (iaitu mengutamakan pencapaian akademik pelajar), Sekolah Kebangsaan Pulau Aman menerima bantuan kelas tuisyen bagi pelajar UPSR, di bawah Program Didik Cemerlang Akademik (PDCA)," jelasnya ketika mengadakan lawatan kerja ke sekitar kawasan Pulau Aman di sini 26 Ogos 2019.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya dan Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.

Dalam lawatan kerja itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat turut meminta JHEAIPP untuk mendapatkan peruntukan khusus bagi kerja-kerja membaik pulih kerosakan kecil pada Masjid Jamek Pulau Aman.

Sebelum itu, rombongan kerja Ahmad Zakiyuddin meninjau struktur fizikal surau baharu dekat Taman Hijau E-Komuniti dekat Taman Perindustrian Batu Kawan.



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) diiringi Zulkifli Long (dua dari kiri) meninjau keadaan fizikal Masjid Jamek Pulau Aman yang tidak jauh dari sekolah berkenaan di sini baru-baru ini.**

Beliau memberitahu, kemudahan tersebut akan diarahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terlebih dahulu, sebelum beroperasi untuk kegunaan umat Islam di taman kediaman jenis flat berkenaan.

## Bajet 2020 Pulau Pinang bakal pastikan segala projek pembangunan, program kebajikan rakyat masih berjalan

**BATU KAWAN -** Cadangan belanjawan tahunan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang bagi 2020 yang bakal dibentangkan pada awal bulan November ini mungkin masih secara defisit, tetapi dalam skala yang lebih kecil berbanding sebelum ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bagaimanapun berkata bahawa pentadbirannya akan memastikan segala projek pembangunan dan program-program kebajikan rakyat masih berjalan seperti biasa.

"(Cadangan belanjawan) defisit bukan defisit yang sangat besar, tapi kita (Kerajaan Negeri) perlu memastikan pembangunan masih berjalan, program-program sosial masih berjalan.

"(Pun begitu) hasil, bukan mudah untuk tambah.... untuk meneroka hasil baharu, saya rasa tidak ketara (pertambahan) melainkan jenis hasil-hasil yang telah sedia ada," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi selepas merasmikan majlis pembukaan kilang Scandinavian Industrialized Building System (SIBS) Sdn. Bhd. di Taman Sains Pulau Pinang dekat sini pada 20 September 2019.

Turut berucap, Pengarah Urusan merangkap Presiden Kumpulan SIBS, Eric Thomaeus.

Menurut Kon Yeow, hasil kutipan tahunan yang dijangkakan dalam belanjawan akan datang pun mungkin tidak banyak berbeza dengan hasil kutipan bagi tahun 2018 dan 2017.

Tambah beliau, dalam belanjawan tahun bagi tahun 2017 menyaksikan anggaran defisit yang begitu tinggi adalah kerana Kerajaan Negeri memberi pinjaman untuk perbelanjaan pembangunan (CapEx) bagi projek-projek awam yang dilaksanakan oleh agensi negeri, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

"Tapi, dalam draf perbelanjaan pada kali ini, tidak ada lagi bentuk pinjaman (oleh Kerajaan Negeri kepada agensi negeri) sedemikian," ujar Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Mengulas lanjut, tambahnya, draf Belanjawan 2020 Pulau Pinang baru dibentangkan dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk proses pertimbangan lanjut, sebelum dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang dijadualkan pada November ini.

# Pasar Tani Guar Perahu pertama guna transaksi tanpa tunai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENANTI –** Pasar Tani Guar Perahu, di sini menjadi pasar tani pertama di negeri ini yang menyediakan kemudahan transaksi tanpa tunai dalam urusan jual beli.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, seramai 19 peniaga di pasar tani berkenaan telah mendaftar aplikasi *Touch 'n Go e-Wallet* bagi membolehkan pembayaran tanpa tunai dilakukan.

"Walau bagaimanapun, ini bukan bermakna pelanggan di pasar tani tidak boleh menggunakan wang tunai… masih boleh guna (wang tunai) cuma kita wujudkan nilai tambah dengan memperkenalkan transaksi tanpa tunai.

"Melalui aplikasi ini, peniaga hanya perlu pamerkan Kod QR (kod maklum balas pantas) yang sememangnya selamat dan transaksi boleh dilakukan secara percuma tanpa sebarang caj tambahan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Program Transaksi Tanpa Tunai dan Jom Kongsi Rezeki pada 12 September lalu.

Hadir sama, Pengarah Kanan Peruncitan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pusat, Abd. Rahman Mahmood;




**Kod QR yang dipamerkan bagi membolehkan transaksi tanpa tunai dilakukan.**

Pengarah FAMA Negeri Pulau Pinang, Habibah Sulaiman serta Pengarah Kanan Bahagian Galakan Pasaran Dalam Negara dan Pemasaran Online, Mohamad Mustahapa Awang.

Pada program itu juga, Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya turut menyampaikan Geran Insentif Projek-projek FAMA kepada usahawan di negeri ini sebelum melakukan lawatan ke gerai-gerai jualan dan menyerahkan sumbangan kepada asnaf yang layak di bawah program Jom Kongsi Rezeki.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa Malaysia kini sememangnya sedang bergerak ke arah teknologi digital yang memerlukan masyarakat menggunakan aplikasi tanpa tunai sepenuhnya pada masa akan datang.



**DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) dan salah seorang peniaga menunjukkan penggunaan aplikasi transaksi tanpa tunai sejurus perasmiannya di sini baru-baru ini.**

"Justeru, saya berharap agar lebih banyak lagi pasar tani, peniaga-peniaga kecil atau usahawan menggunakan aplikasi ini kerana kita (Kerajaan Negeri) mahu teknologi digital bukan hanya memberi manfaat kepada masyarakat bandar tetapi juga di luar bandar,'' jelasnya.

Difahamkan, seramai 450 peniaga pasar tani di negara ini telah mendaftar aplikasi tersebut.

## Senarai Nilaian disemak selepas 15 tahun, pertambahan hasil cukai dikembalikan kepada rakyat

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat kerajaan (MMK) Bilangan 22/2019 bertarikh 19 Julai 2019 telah meluluskan permohonan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) untuk menyemak semula Senarai Nilaian sedia ada berasaskan kepada Nilai Tahunan 15 tahun lalu.

Menurut Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo, Senarai Nilaian sedia ada yang diterima pakai adalah 1 Januari 2005 bagi MBPP serta MBSP (1 Julai 2005) telah diguna pakai selama 15 tahun dan akan tamat tempoh pada 31 Disember 2019.

Katanya, proses penilaian semula bagi Senarai Nilaian Baru 2020 adalah satu keperluan di bawah peruntukan Seksyen 137 (3) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

"Di bawah Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976, MBPP dan MBSP dikehendaki menyedia dan menyiapkan sesuatu Senarai Nilaian baru sekali tiap-tiap lima tahun atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana ditentukan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

"Merujuk kepada Seksyen 137(3), Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga, MBPP dan MBSP dikehendaki menyedia serta menyiapkan suatu Senarai Nilaian baru apabila tempoh sah laku Senarai Nilaian semasa luput pada 31 Disember 2019 kecuali tempoh sah lakunya dilanjutkan oleh PBN.

"Melalui Senarai Nilaian baru tersebut, pertambahan hasil cukai baru ini akan digunakan oleh kedua-dua PBT yang mana ia akan dikembalikan kepada rakyat Pulau Pinang melalui pembangunan bandar, kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan jaringan jalan raya, penambahbaikan kemudahan awam dan banyak lagi," ujar Jagdeep dalam sidang media di sini 13 September lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali; Datuk Bandar MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBPP, Sr. Cheong Chee Hong serta Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSP, Mat Nasir Hassan.

Bercakap mengenai status kewangan kedua-dua PBT, Jagdeep menjelaskan bahawa MBPP dan MBSP telah menanggung peningkatan kos perbelanjaan bagi pengurusan keseluruhan sebanyak RM196.391 juta (MBPP) atau 291 peratus, RM107 juta (MBSP) atau 784 peratus kenaikan berbanding tahun 2005.



**(Dari kiri), IR. Addnan Mohd. Razali, Jagdeep Singh Deo dan Sr. Rozali Mohamud menunjukkan dokumen berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Tambahnya, dengan mengambil kira unjuran perbelanjaan MBPP/ MBSP yang meningkat setiap tahun serta beban kewangan yang perlu ditanggung, maka dua PBT terbabit perlu meningkatkan pendapatan dan hasil cukai taksiran.

"Berdasarkan kepada kajian penilaian semula yang telah dijalankan, Senarai Nilaian Baru 2020 dijangka akan dapat meningkatkan pendapatan Majlis bagi hasil cukai sebanyak RM54,338,822 bagi MBPP dan RM39,743,077.02 (MBSP) tahun hadapan, namun ianya masih belum cukup.

"Bagi perbandingan kadar cukai taksiran dengan negeri-negeri lain, kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan masih menunjukkan kadar cukai yang dicadangkan oleh kedua-dua PBT di Pulau Pinang dan masih berada di tahap lebih rendah berbanding dengan lain yang setaraf dengannya," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Mengulas mengenai projek-projek yang sudah, sedang dan akan dijalankan oleh MBPP dari tahun 2015 hingga 2022, Jagdeep memaklumkan bahawa kos keseluruhan menelan belanja RM769,796 juta bagi MBPP.

"Manakala bagi MBSP dari tahun 2015 hingga tahun 2020 pula, melibatkan 206 projek serta program yang menelan belanja sebanyak RM219.95 juta.

"Antara projek-projek yang dijalan serta dijadualkan termasuk rancangan tebatan banjir, pembangunan infrastruktur, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV), pembinaan jalan raya, pengurusan sisa pepejal, naik taraf kemudahan awam, naik taraf sistem perparitan, penggantian lampu jalan kepada jenis *Light Emitting Diode (LED)* dan lain-lain.

"Pembayar cukai dalam pada itu boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Cukai Taksiran di Paras 12, Komtar membabitkan MBPP dan Tingkat 10, Menara Bandaraya di Bandar Perda.

"Namun demikian, setiap pemilik yang tidak berpuas hati dengan Senarai Nilaian Baru 2020 mempunyai hak untuk membuat bantahan seperti yang diperuntukan di bawah Seksyen 42, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dengan membuat bantahan secara bertulis kepada PBT pada atau sebelum 14 Oktober 2019," ujarnya.

# Maklum balas awam *Penang Smart Parking* masih dibuka

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN -** Sebagaimana dijanjikan, syarikat HiTech Padu Berhad (HTP) siap memasang keseluruhan 1,031 sensor bagi projek perintis sistem letak kereta secara pintar pertama negara, *Penang Smart Parking* (PSP), termasuk 34 sensor tambahan untuk tempat letak kereta biasa, Orang Kurang Upaya (OKU) dan wanita mengandung di negeri ini.

Bercakap kepada pemberita, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, pihaknya masih membuka ruang untuk pengguna memberi maklum balas berhubung pengoperasian aplikasi PSP ini.

"Tujuan sistem parkir pintar ini diperkenalkan pada peringkat projek perintis bagi kedua-dua PBT (pihak berkuasa tempatan) iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), paling utama adalah untuk memastikan perkhidmatan paling efisien untuk rakyat guna (aplikasi pintar ini)," jelasnya dalam sidang media di Jalan Bishop, selepas menggunakan sendiri aplikasi pintar tersebut untuk meletak kenderaan rasmi Exco di sini.

Turut serta, Datuk Bandar bagi MBPP, Datuk Ar. Yew Tung Seang dan Naib Presiden Eksekutif HTP, Abdul Halim Md. Lassim dengan beberapa pihak berkepentingan lain.

Terdahulu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada 23 Ogos lepas memberitahu pemberita bahawa HTP menghadapi beberapa masalah teknikal dalam menyiapkan projek perintis tersebut, seperti dipersetujui kedua-dua pihak.

Lalu, beliau memberikan masa lanjutan sehingga 24 September 2019 untuk memasang baki 967 sensor di beberapa kawasan sekitar George Town dan *Icon City* yang berada dalam kawasan Seberang Perai Tengah (SPT).

Sehingga kini, Jagdeep memberitahu 46,125 pengguna telah memuat turun aplikasi PSP menerusi IOS ataupun *android* telefon pintar masing-masing.



**(Dari kiri), JAGDEEP Singh Deo, Ar. Yew Tung Seang dan Abdul Halim Md. Lassim menunjukkan aplikasi serta risalah berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# Festival Y15ZR platform usahawan muda pasar produk permotoran

**PINANG TUNGGAL –** Lebih 8,000 pengunjung membanjiri perkarangan Kompleks Midtown Perda dekat Kubang Menerong bersempena penganjuran Festival Y15ZR 2019 di sini pada 7 September lalu.

Festival anjuran Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd. dengan kerjasama *FT Garage* dan *Drag Racing Management* tersebut dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Ahmad Zakiyuddin dalam ucapannya berkata bahawa penganjuran festival berkenaan membuka peluang pasaran lebih besar kepada usahawan-usahawan muda yang berkecimpung dalam bidang permotoran untuk menjual dan mempamerkan produk-produk mereka.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (bertopi) menyempurnakan gimik pelancaran topi keledar baru keluaran KYT pada Festival Y15ZR yang berlangsung dekat Midtown Perda Kubang Menerong, baru-baru ini.**

"Jika kita lihat di sini pelbagai barangan berkaitan permotoran dipamerkan untuk ditonjolkan serta diperdagangkan dan saya percaya ini antara pasaran terbesar yang dijalankan di negara ini.

"Saya juga percaya festival ini juga dapat menonjolkan kebolehan organisasi diterajui anak muda bumiputera dalam menganjurkan program sebesar ini dengan kos yang tinggi dan paling penting mampu meyakinkan pengunjung untuk sama-sama datang ke sini.

"Justeru, kita berharap penganjuran program ini dapat diteruskan pada masa-masa akan datang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal pada majlis berkaitan.

Turut hadir, ADUN Bertam merangkap Timbalan Pengarah Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd., Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq; Pegawai Daerah bagi Daerah Seberang Perai Utara, Zulkifli Rashid serta wakil-wakil penganjur.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa berusaha menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam pembangunan negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) gagaskan Visi Penang2030 yang mana kita akan bangunkan negeri ini dengan pelbagai usaha termasuk industri, sosial, infrastruktur, persekitaran, teknologi serta modal insan.

"Saya percaya program-program seperti ini dapat menggalakkan penyertaan semua lapisan masyarakat selaras wawasan Negeri untuk menjadi sebuah negeri pintar dengan teknologi-teknologi yang lebih canggih.

"Justeru, saya berharap industri permotoran juga mendapat manfaat daripada kemajuan industri di negeri ini," ujarnya.

Selain pameran dan jualan barangan berkaitan permotoran, festival berkenaan juga dimeriahkan dengan pertandingan mewarna kanak-kanak, pertandingan pakaian bertemakan kemerdekaan, jualan pelbagai jenis makanan dan minuman serta acara cabutan bertuah yang menawarkan sebuah motosikal jenis Y15ZR.

Program bertambah meriah dengan kemunculan artis terkenal tanah air, Zizan Razak yang melancarkan topi keledar keluaran KYT NFJ.

# Komited sokong penganjuran aktiviti kebudayaan, kesenian serta warisan

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik segala usaha yang melibatkan penganjuran aktiviti kesenian dan kebudayaan di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa selain berusaha memajukan agenda ekonomi dan pembangunan infrastruktur Pulau Pinang, Kerajaan Negeri turut memberi sokongan terhadap mana-mana pihak yang mengambil inisiatif menganjurkan aktiviti kesenian dan kebudayaan.

"Kita (Kerajaan Negeri) juga beri perhatian kepada program-program sosial dan kebajikan serta berusaha mengembangkan aktiviti berunsurkan kebudayaan dan kesenian.

"Kerajaan Negeri juga akan memberi sokongan kepada mana-mana agensi, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) tempatan atau badan bukan kerajaan (NGO) yang menganjurkan pesta kebudayaan, kesenian serta warisan.

"(Hal ini kerana), penganjuran aktiviti seperti ini akan membawa kepada negeri yang dinamik penuh dengan aktiviti kemanusiaan serta mengimbangi pembangunan ekonomi dan industri pelancongan di negeri ini," ujarnya ketika hadir merasmikan perayaan Pesta Tanglung Tanjong 2019 di perkarangan Pusat Belia Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dekat Lebuh Acheh 7 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; Ahli-Ahli Majlis MBPP, Gerald Mak Mun Keong dan Wong Yuee Harng; barisan penaja, penganjur serta pimpinan komuniti tempatan.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Tanjong itu memberitahu bahawa melalui percantuman aktiviti kesenian dan kebudayaan serta pembangunan negeri, Pulau Pinang mampu menjadi sebuah negeri yang kaya dengan kepelbagaian.

"Ia akan menjadikan Pulau Pinang negeri yang mampu menarik bukan sahaja para pelabur tetapi juga para pelancong yang akan turut membantu memajukan agenda ekonomi negeri," katanya.

Usai menyempurnakan gimik pelancaran, Kon Yeow turut meluangkan masa melawat ke reruai pameran yang mengambil bahagian serta berswafoto bersama-sama pengunjung yang membanjiri Taman Armenian dekat sini.

Difahamkan, sejumlah 500 tanglung berwarna-warni dan bentuk menghiasi Taman Armenian atau Armenian Park berkaitan.

# Kolaborasi Penang STEM dan pemain industri demi kekal ekosistem kumpulan bakat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**SERI DELIMA –** Kerajaan Negeri melalui Penang STEM melancarkan program di bawah *'StepUp Initiative'* bagi memupuk minat para pelajar untuk mengambil subjek sains tulen sebagai pilihan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, inisiatif tersebut merupakan pendekatan baharu yang mensasarkan agar para pelajar di peringkat sekolah menengah rendah berminat untuk mengambil subjek-subjek sains tulen atau subjek STEM (iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) apabila memasuki Tingkatan Empat dan seterusnya.

"Statistik menunjukkan jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran STEM semakin berkurangan dari tahun ke tahun, malah kelas-kelas sains tulen juga berkurangan dan situasi ini perlu perhatian Menteri Pendidikan.

"Sebagai sebuah negeri berteraskan perindustrian, Pulau Pinang memerlukan kumpulan bakat yang ramai untuk menampung keperluan industri.

"(Dan) atas dasar itu, Kerajaan Negeri menyokong sepenuhnya inisiatif Penang STEM serta berkolaborasi dengan pemain industri agar ekosistem ini kekal bertahan untuk masa depan," ujarnya pada sidang media sejurus melancarkan Program *'StepUp Initiative'* di *Penang Math Platform* (PMP) yang beribu pejabat di Pusat Pembelajaran Karpal Singh dekat sini 13 September lalu.



**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama wakil-wakil SSPN, barisan penganjur, para jemputan dan pelajar-pelajar serta ibu bapa yang hadir pada Majlis Perasmian Program Jelajah SSPN 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi dan Pengerusi Penang STEM; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid; ADUN Bagan Dalam, M. Satees; Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut, Azizah Paijo dan Pengurus Besar Penang STEM, Richard Chung Chok Yin.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa sebagai negeri yang mempunyai Zon Perindustrian Bebas, Pulau Pinang perlu mengorak langkah seiring dengan perkembangan Revolusi Indusri 4.0 dan revolusi digital.

"Tambahan pula, melalui Visi Penang2030, penting untuk Kerajaan Negeri menyediakan kumpulan bakat muda demi masa depan.

"Selain sektor pembuatan, sektor-sektor lain seperti perkhidmatan perubatan, infrastruktur, pembangunan hartanah dan telekomunikasi juga penting…sebab itu kita perlu kumpulan bakat STEM yang ramai.

"(Dan) saya berharap kapten-kapten industri yang turut sama-sama menjayakan *'StepUp Initiative'* ini dapat membimbing 'sekolah angkat' masing-masing dan menjadi contoh kepada kapten industri yang lain," serunya.

Sebanyak tujuh kapten industri akan menyumbang RM20,000 setiap tahun kepada setiap 'sekolah angkat' yang terlibat dalam program ini. Mereka adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Gambir dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Hwa Confucian yang menjadi 'sekolah angkat' kepada *Inari Amertron*; SMK (P) Methodist dan SMK Convent Datuk Keramat *(Flextronics Technology)*; SMJK Chung Ling *(Pentamaster Corporation)*; SMJK Heng Ee *(Greatech Integration)*; SMK St. Xavier *(Motorola Solutions)*; SMK Abdullah Munshi *(Mi Technovation)* dan SMK Jelutong *(VAT Manufacturing)*.

Penang STEM merupakan platform perkongsian pelbagai organisasi yang bergabung dalam suatu sinergi ekosistem STEM di Pulau Pinang, ia termasuk Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC), *Penang Science Cluster, Tech Dome Penang*, @CAT, PMP dan Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

## Pas Tahunan EPY2020 tawar pakej pelancongan menarik

Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN -** Bagi merancakkan sektor pelancongan negeri sejajar dengan Tahun Melawat Pulau Pinang tahun hadapan, para penggiat industri pelancongan di negeri ini mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Pas Tahunan Experience Penang 2020 baru-baru ini.



**YEOH Soon Hin (tengah) menunjukkan Pas Tahunan Experience Penang 2020 pada majlis pelancarannya di sini 17 September lalu.**

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan, Yeoh Soon Hin menyifatkan idea pelaksanaan pas berkenaan mampu menarik lebih ramai pelancong sama ada domestik mahupun luar negara ke Pulau Pinang tahun hadapan.

"Sebagai Exco bertanggungjawab, saya sangat gembira apabila setiap penggiat industri di Pulau Pinang membuat pelbagai perancangan serta promosi dengan menawarkan kepelbagaian pakej pelancongan menarik sekaligus menjadikan negeri ini destinasi lebih menarik untuk dikunjungi.

"Pelancaran pas tahunan ini akan menjadi pemangkin kepada penggiat industri pelancongan bagi menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan juga luar negara.

"Saya percaya inisiatif ini turut akan membantu menjayakan misi Tahun Melawat Pulau Pinang 2020 yang bertemakan *'Experience Penang Year 2020'* (EPY2020)," ujarnya pada Majlis Pelancaran Pas Tahunan Penang Experience dan Pas Tahunan The Top di sini 21 September lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar The Top, Joel Law.

Difahamkan, melalui pas tahunan berkaitan, pelancong boleh menikmati pelbagai pakej yang ditawarkan di 20 destinasi serta lokasi yang mengambil bahagian pada satu harga.

Sebagai contoh, sekiranya pengunjung membeli pas dewasa untuk dua hari yang merangkumi 20 lokasi, jumlahnya cuma RM289. Berbanding harga asal, sekiranya masuk ke 20 lokasi tersebut pada harga berasingan, jumlah yang perlu dibayar adalah kira-kira RM710.

Maklumat lanjut berhubung pas tahunan berkenaan boleh layari laman sesawang *https://experiencepenang.com.my/en-MY/penang-playpass.*

Serentak pelancaran tersebut, Joel turut mengumumkan pengenalan pas tahunan bagi Taman Tema The Top yang menawarkan akses tanpa had 365 hari dengan harga serendah RM90 bagi kanak-kanak.

## Terus salur dana demi pembekalan modal insan, kepentingan pendidikan anak-anak Negeri

**AIR ITAM –** Kerajaan Negeri telah menyalurkan dana mencecah kira-kira RM300 juta menerusi program bantuan sosial berkaitan pendidikan di Pulau Pinang sejak tahun 2009.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa sumbangan tersebut bukan merupakan jumlah kecil bagi sesebuah Kerajaan Negeri, tambahan pula bidang pendidikan sepatutnya berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Namun, ulasnya, demi pembekalan modal insan dan kepentingan pendidikan anak-anak Pulau Pinang, Kerajaan Negeri percaya bahawa bantuan itu sedikit-sebanyak dapat disalur serta dimanfaatkan oleh pihak-pihak sekolah.

"Buktinya, bukan hanya kemudahan-kemudahan asas sekolah dapat ditingkatkan, malah pelbagai inisiatif seperti pembelajaran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) turut berjaya diserapkan ke arah Revolusi Industri 4.0, malah, Kerajaan Negeri pada tahun ini juga telah memperluaskan bantuan kepada Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di negeri ini.

"Walaupun jumlah disatukan tidak dapat memberikan satu jumlah yang besar kepada setiap sekolah, namun ianya dilihat sebagai satu usaha baik, dan Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha ini," ucap beliau pada Majlis Perasmian Program Jelajah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) 2019 Peringat Negeri Pulau Pinang di sini 15 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Mohd. Ali Sebran; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Azhar Arshad dan Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Wan Saiful Wan Jan.

Mengulas mengenai SSPN, Kon Yeow berharap ia bakal menjadi antara pilihan ibu bapa untuk menabung demi masa depan pendidikan anak-anak.

"Budaya menabung sebenarnya bukan baharu di Malaysia kerana sejak dahulu telah banyak skim sedemikian yang diwujudkan demi kemudahan masa depan.

"Simpanan ini harus bermula pada usia muda supaya ia dapat digunakan dengan sebaik-baiknya apabila seseorang anak dapat melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT) kelak,'' serunya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Menurut Kon Yeow, sejak 2004 sehingga 31 Julai 2019, sebanyak 4.2 juta akaun SSPN telah dibuka dengan jumlah keseluruhan deposit berjumlah RM5 juta.

"Daripada jumlah tersebut, data untuk negeri Pulau Pinang menunjukkan sebanyak 207,928 akaun SSPN telah dibuka dengan deposit berjumlah RM399 juta,'' jelasnya.

Dalam pada itu, Wan Saiful menyatakan bahawa pihaknya mensasarkan sebanyak 500,000 akaun SSPN akan dibuka dengan deposit berjumlah RM1 bilion bagi tahun 2019.

# Komited menuju ke arah agenda hijau melalui AHPP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**




**KETUA Menteri dan dif-dif kehormat yang mengetuai delegasi negara masing-masing ke IMT-GT SUDF Seminar di sini baru-baru ini.**

**TANJUNG BUNGA –** Rangka kerja pelan tindakan Agenda Hijau Pulau Pinang (AHPP) atau *Penang Green Agenda* dijadualkan siap penghujung tahun ini dan akan diluncurkan menjelang suku pertama tahun hadapan.

Pengurus Besar Penang Green Council (PGC), Josephine Tan Mei Ling berkata, pihaknya kini sedang dalam rangka akhir menyiapkan pelan tindakan tersebut.

"Sebanyak tujuh jawatankuasa kemudi telah ditubuhkan setakat ini dan akan menambah tiga lagi jawatankuasa kemudi terakhir bagi melengkapkan pelan tindakan berkenaan.

"Tiga jawatankuasa kemudi itu bertanggungjawab bagi tadbir urus, sanitasi air serta biodiversiti dan ekosistem alam semula jadi," katanya ketika ditemui di *IMT-GT Sustainable Urban Development Framework* (SUDF) *Seminar* dekat sini baru-baru ini.

Segitiga Pertumbuhan Indonesia – Malaysia – Thailand (IMT-GT) adalah inisiatif kerjasama sub-serantau yang ditubuhkan pada 1993 oleh ketiga-tiga negara dalam usaha mempercepatkan transformasi ekonomi di wilayah kurang membangun.

Menurut makluman dalam laman sesawang rasmi PGC, sebagai tindak balas terhadap isu perubahan iklim global dan paradigma perkembangan mampan, Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN), PGC dan *Penang Institute* (PI) kini sedang merangka AHPP bagi menghadapi cabaran alam sekitar pada masa hadapan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSDGs).

Dalam pada itu, pada sidang media sejurus merasmikan Seminar SUDF, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa AHPP penting dalam merealisasikan visi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang Bersih, Hijau, Sihat, Selamat dan Ceria.

"AHPP adalah platform terbaik untuk semua di Pulau Pinang tidak kira sektor kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli akademik dan perniagaan serta lain-lain lagi untuk berkongsi inisiatif ini.

"Penglibatan semua pihak berkepentingan dan rakyat Pulau Pinang akan membolehkan kita mewujudkan ekosistem yang berdaya tahan menjelang 2030.

"(Dan) melalui platform IMT-GT tahun ini, ia menandakan suatu peristiwa penting bagi Pulau Pinang dalam menjadi negeri hijau," ujarnya.

Tambah Kon Yeow, untuk menjadi negeri hijau, ia memerlukan lebih daripada sekadar pertumbuhan ekonomi.

"Ia perlu mengambil kira daya tahan dan inklusif dalam menguruskan sumber semula jadi dengan baik serta mempromosikan jejak karbon rendah dan pada masa sama memastikan rakyat menikmati kehidupan yang harmoni.

"Maka, melalui rangka kerja SUDF ini, ia akan merancakkan lagi inisiatif negeri hijau dalam kalangan ahli IMT-GT seperti *Green City Action Plan* (GCAP) yang mula dilaksanakan di Melaka, Songkhla, Hatyai, Medan dan Batam.

"Saya berharap Pulau Pinang akan menjadi bandar seterusnya yang mana bantuan teknikal dan kewangan disediakan oleh Bank Pembangunan Asia," katanya.

Difahamkan, melalui rangka kerja SUDF, GCAP dapat dilaksanakan di sekurang-kurangnya 40 bandar di Indonesia, Malaysia dan Thailand.

*IMT-GT Sustainable Urban Development Framework* (SUDF) *Seminar* disertai 120 delegasi daripada tiga negara.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Gabenor Wilayah Pattani, Kraison Visitvong; Timbalan Gabenor Wilayah Songkhla, Sakra Kapinkan; wakil Pekan Baru, Ahmad Ismail dan Pengarah IMT-GT Pusat, Firdaus Dahlan.

## Harap RMK-12 lulus peruntukan mitigasi Taman Eko Rimba Bukit Mertajam



**LEE Khai Loon (kiri sekali) dan wakil-wakil berkaitan pada sesi lawatan tapak di sini baru-baru ini.**

**MACHANG BUBUK -** Sekurang-kurangnya RM17.9 juta diperlukan untuk kerja-kerja mitigasi pada 66 kawasan cerun yang runtuh di Taman Eko Rimba Bukit Mertajam dekat Cherok Tok Kun dalam kejadian fenomena hujan terlalu lebat pada 4 dan 5 November 2017.

Justeru, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon berharap peruntukan tersebut turut dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang akan dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat pada Oktober ini, sebelum diluluskan untuk negeri Pulau Pinang.

"Pejabat Ahli Parlimen (Bukit Mertajam), Pejabat ADUN, orang tempatan seperti Pengerusi MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) Cherok Tok Kun juga senantiasa menerima aduan-aduan.

"Maka, kita cuma nak (proses kelulusan) peruntukan itu dipercepatkan," jelasnya dalam sidang media di Pejabat Jabatan Perhutanan di sini 4 September 2019.

Menurut Khai Loon, tanah runtuh yang terjadi di kawasan rekreasi awam tersebut bertambah teruk apabila terjadi fenomena hujan terlalu lebat pada 28 Mei 2018.

"Pada waktu itu (Mei 2018), memang ada kerja-kerja pemulihan dengan kos RM180,000 (daripada peruntukan Kerajaan Negeri)," jelasnya sambil merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Selain itu, Khai Loon memberitahu bahawa dalam tiap-tiap sesi persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sejak tahun lepas, beliau membangkitkan isu peri penting kerja-kerja mitigasi di kawasan berkenaan supaya disegerakan demi menjamin keselamatan pengunjung.

Bercakap pada sidang media sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Bernard Cheen Goon Hooi menyatakan bahawa dalam masa terdekat, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelan mitigasi berskala kecil dengan kos RM200,000 di sini.

Ahli Majlis MBSP, Ong Jing Cheng; seorang pegawai kepada Ahli Parlimen Bukit Mertajam dan dua pegawai Jabatan Perhutanan Negeri turut sertai sidang media tersebut.



# Banjir kilat sekitar Bayan Baru, Exco optimis mampu diatasi

**KERAJAAN** Negeri optimis masalah banjir kilat yang sering melanda kawasan Bayan Baru dan sekitarnya dapat diatasi dalam tempoh setahun dari sekarang menerusi beberapa projek tebatan banjir yang dalam proses pelaksanaan.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, **ZAIRIL KHIR JOHARI** berkata, pelaksanaan itu termasuk penambahbaikan reka bentuk projek bagi menangani banjir untuk tempoh 20 tahun ARI *(average recurrence interval)*.

Beliau berkata, projek sepenuhnya di bawah pembiayaan pihak Kerajaan Negeri yang berjumlah RM20 juta itu telah diluluskan pada tahun 2017 dan rancangan tersebut dilaksanakan selepas mengambil kira kesusahan yang terpaksa ditanggung penduduk sekitar (Bayan Baru) setiap kali berlakunya banjir kilat.

"Projek naik taraf telah bermula sejak Mei lalu dan dijangka siap sepenuhnya pada Oktober 2020, yang mana kemajuan kerja di tapak-tapak berkaitan adalah sekitar 11 peratus.

"Kerja-kerja menaik taraf bagi mengurangkan impak banjir ini termasuk membesarkan longkang sedia ada di sepanjang 2,750m (meter) Persiaran Relau dan Jalan Dato' Ismail Hashim kepada 1.5m x 1.5m (lebar), manakala 1,780m di sepanjang Jalan Mayang Pasir serta Jalan Mahsuri kepada 1.2m (tinggi) x 1.5m (lebar).

"Membina longkang baharu *(box culvert)* sebagai *collector drain, balancing sum* dan *pipe jacking* masing-masingnya di Jalan Mayang Pasir, Jalan Tengah dan Jalan Tun Dr. Awang.



ZAIRIL Khir Johari.

"Selain itu, pelaksanaan projek ini juga turut merangkumi pembinaan rumah pam baharu berkapasiti tinggi iaitu 12m3/saat (tiga pam @ 4m3/saat *screw pump*) serta pemasangan tiga pintu automatik air pasang surut berhampiran rumah pam berhampiran Balai Bomba dekat Jalan Tengah," ujarnya pada sesi temu bual khas dengan wartawan Buletin Mutiara, **NORSHAHIDA YUSOFF** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** baru-baru ini.

Sungai Relau, kawasan berhadapan Petronas Jalan Dato' Ismail Hashim, Jalan Mahsuri, berhadapan Pasar Raya Sunshine Square, Jalan Mayang Pasir, berhadapan Masjid Bayan Baru, Giant Jalan Tengah dan Sungai Kluang merupakan kawasan *hotspot* impak banjir.

Menurut Zairil, semua parit yang dinaik taraf dengan reka bentuk 20 ARI tersebut akan membawa air ke *collector drain* yang kemudiannya bakal diarahkan ke rumah pam dan seterusnya air dialirkan ke Sungai Kluang serta terus ke laut.

"Diharap dengan siapnya projek ini kelak, kawasan-kawasan terjejas akan dapat mengurangkan impak banjir kilat terutamanya ketika musim hujan lebat.

"Walau bagaimanapun, kalau intensiti hujan yang turun melebihi 20 ARI, sememangnya projek ini tidak dapat menampung, tetapi impak banjir tidaklah teruk," jelasnya sambil menganggarkan bahawa projek tebatan banjir di kawasan berkenaan sebelum ini mungkin direka bentuk untuk menampung 5 hingga 10 ARI sahaja.



Projek tebatan banjir yang sedang dilaksanakan.

### Punca banjir kilat

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu bahawa terdapat empat punca utama yang menyumbang kepada berlakunya banjir di kawasan berkenaan.

"Banjir kilat yang melanda beberapa kawasan di sekitar Bayan Baru berpunca daripada hujan lebat yang berterusan dan fenomena air pasang besar.

"Apabila berlakunya fenomena air pasang besar, air bertakung dengan banyak dan tidak dapat mengalir keluar ke laut hingga melibatkan limpahan dan banjir.

"Cara untuk atasi masalah banjir kilat ini hanya dengan menaik taraf sistem saliran sedia ada dan membina rumah pam yang dilengkapi dengan pintu air… itu yang kita cuba implementasi serta tambah baik di tapak.

"Diharap tiga pintu automatik air pasang surut yang dibina berhampiran rumah pam akan mengurangkan impak jika berlaku limpahan air dengan mengalirkan air ini keluar ke laut melalui Sungai Kluang," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.

Selain hujan berterusan dan air pasang besar, sistem saliran lama yang dianggarkan di antara 5 hingga 10 ARI juga merupakan punca kepada kerap berlakunya banjir kilat di kawasan berkaitan kini.

"Sistem saliran sedia ada dibentuk dengan ARI yang kurang mungkin di antara 5 hingga 10 tahun ARI sahaja, maka jika hujan lebat lebih daripada itu, memang ia tidak dapat menampung jumlah air hujan yang banyak.

"Orang ramai juga perlu tahu bahawa dunia kita berdepan situasi perubahan iklim yang mana ia memberi impak kepada intensiti hujan yang lebih tinggi berbanding dahulu.

"Melalui satu data yang dikeluarkan menyatakan bahawa kadar purata hujan yang turun sejam dari tahun 1990 hingga 1999 hanya sekitar 31mm (milimeter), tetapi peningkatan drastik berlaku kepada 146mm dari tahun 2000 hingga 2009, dan 180mm (2010 hingga 2018).

"Ini menunjukkan bahawa kadar intensiti hujan telah meningkat dengan mendadaknya disebabkan fenomena perubahan iklim, dan ia bukan sebab pembangunan, ia berlaku di seluruh dunia," ujarnya.

Berlandaskan itu, Zairil memberitahu bahawa Kerajaan Negeri terpaksa melabur untuk projek naik taraf berkaitan ekoran semua sistem saliran sedia ada adalah rendah dan tidak dapat menampung jumlah air hujan yang banyak.

"Sememangnya banyak projek-projek infrastruktur dan penaiktarafan yang sedang dijalankan di seluruh Pulau Pinang, di semua kawasan *hotspot* banjir dan pelaksanaan ini mengikut keutamaan.

"Jikalau ingin buat semua (kawasan banjir) secara serentak, ia memerlukan dana yang begitu banyak dan akan mengambil masa yang lama, justeru kita (Kerajaan Negeri) beri keutamaan kepada projek yang teruk dan penting dahulu," jelasnya.

### Pelaksanaan projek tebatan banjir

Difahamkan, Kerajaan Negeri kini sedang melaksanakan lapan projek tebatan banjir, yang mana dua daripadanya merupakan projek (tebatan banjir) berimpak tinggi iaitu Projek Tebatan Banjir Bayan Baru dan Projek Tebatan Banjir Sungai Nipah dekat Taman Iping, Bayan Lepas.

Ulas Zairil, selain Projek Tebatan Banjir Bayan Baru, Kerajaan Negeri turut membiayai sepenuhnya kos peruntukan Projek Tebatan Banjir Sungai Nipah berjumlah RM15.3 juta.

"Projek ini baharu sahaja bermula, ia melibatkan kerja-kerja penaiktarafan saliran longkang sedia ada di kawasan perumahan Taman Iping dan pembinaan dua rumah pam baharu," maklum beliau sambil menambah bahawa Projek Tebatan Banjir Sungai Bayan Lepas telah dilulus dan bakal dimulakan dalam tempoh terdekat.

Selain itu, di peringkat Persekutuan, satu projek tebatan banjir di Teluk Kumbar bernilai RM10 juta juga sedang berjalan.

"Projek Tebatan Banjir Teluk Kumbar ini diluluskan oleh kerajaan baharu Pakatan Harapan, iaitu merangkumi kerja naik taraf rumah pam baharu dan sistem saliran longkang.

"Kesemua projek di pelbagai peringkat pelaksanaan yang dinyatakan ini adalah komitmen Kerajaan Negeri khasnya dan Persekutuan untuk membantu masyarakat setempat di kawasan-kawasan berkenaan," tambah beliau.



# Lukisan kopi terpanjang terima pengiktirafan MBOR



KETUA Menteri bersama-sama Mohd. Azmi Mohd Hussin (bertopi) dan barisan jemputan menunjukkan lukisan yang dihasilkan pada majlis pengiktirafan 'Lukisan Terpanjang Menggunakan Kopi' oleh MBOR di sini baru-baru ini

**SUNGAI PINANG –** Kreativiti kartunis kelahiran Pulau Pinang, Mohd. Azmi Mohd. Hussin menggunakan kopi menghasilkan lukisan berjaya memperoleh pengiktirafan sebagai 'Lukisan Terpanjang Menggunakan Kopi' oleh *Malaysia Books of Records* (MBOR).

Mohd. Azmi atau lebih dikenali dengan nama pena sebagai 'ME' berjaya menghasilkan karya lukisan kreatif sepanjang 101 meter (m) yang turut memaparkan 100 mercu tanda kebanggaan negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow yang hadir menyaksikan penyampaian sijil pengiktirafan MBOR menzahirkan rasa kagum dengan kemampuan dan minat kartunis berusia 35 tahun itu.

"Saya difahamkan ini merupakan pengiktirafan kali kedua MBOR kepada Mohd. Azmi yang mana kali pertama adalah dua tahun lalu apabila beliau berjaya melukis karikatur paling banyak tanpa henti selama 24 jam.

"(Dan) kali ini, melalui lukisan terpanjang menggunakan kopi berkualiti tinggi yang ditaja oleh *Starbucks*.

"Pastinya hasil seni ini akan menjadi inspirasi kepada semua pihak dan membuktikan bahawa negeri Pulau Pinang mempunyai bakat terbaik dalam bidang seni," ucapnya pada majlis pengiktirafan berkaitan pada 25 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Senator Dewan Negara, Lim Hui Ying; Ketua Pegawai Operasi MBOR Sdn. Bhd., Christopher Wong dan Pengurus Besar Starbucks Malaysia serta Brunei, Sydney Quays.

Dalam pada itu, Mohd. Azmi ketika ditemui memberitahu bahawa lukisan daripada kopi tersebut mengambil masa selama 25 hari untuk disiapkan.

"Saya meluangkan masa kira-kira lapan jam sehari untuk menyiapkan sekurang-kurangnya 5m karya dalam satu hari dan lukis menggunakan kopi ini memang ada cabarannya tersendiri.

"Saya perlu meneliti pelbagai jenis kopi yang berlainan dan memilih hanya kopi asli bagi menghasilkan lukisan yang diharapkan," ujarnya yang turut meletakkan sasaran *Guinness World Records* pada masa hadapan.

Serentak itu, Mohd. Azmi turut berhasrat untuk mempamerkan karya beliau di premis Starbucks seluruh negara.


RUMAH PANGSA MUTIARA INDAH
(SIMPANG AMPAT)




Keluasan Binaan : 56 m2 (Min) - 57m2 (Max)
Harga Jualan : RM148,000 (Min) - RM218,000 (Max)
Bilangan Unit : 23 Unit

Pihak Berkuasa yang Meluluskan
Pelan Bangunan : MPSP
No. Rujukan Pelan Bangunan : MPSP/40/20-75/52
Tarikh Dijangka Siap : Mar 2021

PALMINGTON SDN. BHD. (892241-W)
12-01, Penthouse, Wisma Pantai, Jalan Wisma Pantai, Kampung Gajah, 12200 Butterworth.
Tel : 04-324 0088 / 04-501 0088 Fax : 04-324 0090 Email: tilb@tambunindah.com

HAKMILIK KEKAL
5% Diskaun Untuk Bumiputera



KETUA Menteri, barisan panel, jawatankuasa penganjur dan para penerima PFF merakam gambar kenangan pada Majlis Makan Tengah Hari Meraikan Penerima PFF di sini baru-baru ini.

# Modal insan pemangkin potensi kejayaan negeri

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PANTAI JEREJAK –** Program Biasiswa Penuh Penang Future Foundation (PFF) yang ditubuhkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bukan sahaja memberi peluang kepada para penerima untuk melanjutkan pelajaran, malah ia juga bertujuan melahirkan lebih ramai pemimpin pada masa hadapan.

Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow berkata, dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pembangunan modal insan, Kerajaan Negeri perlu mengiktiraf, memupuk dan membantu menonjolkan potensi sebenar para pelajar cemerlang.

"Untuk itu, Kerajaan Negeri berharap pemain-pemain industri juga sudi tampil menyumbang dalam usaha menjadikan PFF sebagai program biasiswa yang mampan untuk pelajar-pelajar berkelayakan.

"Justeru, pelbagai program amal dirancang bagi meraih sumbangan daripada individu, organisasi serta syarikat korporat supaya lebih ramai pelajar memperoleh manfaat daripada program ini,'' katanya pada Majlis Makan Tengah Hari Meraikan Penerima PFF di sini 24 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan PFF iaitu Datuk Seri Nazir Ariff Munshir Ariff; Datuk Loo Lee Lian; Profesor Emeritus Datuk Dr. Lim Koon Ong; Dr. Lim Kim-Hwa serta Datuk Danny Goon.

Mengulas lanjut, Lee Lian yang juga Ketua Pegawai Eksekutif investPenang (iP) memaklumkan bahawa seramai 408 pelajar menerima manfaat daripada program tersebut yang dimulakan sejak 2015 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM23 juta.

"Bagi tahun 2019 pula, seramai 25 pelajar menerima Biasiswa Mutiara, manakala Biasiswa Penang (87),'' jelasnya.

Difahamkan, seramai 61 penerima PFF yang telah menamatkan pengajian turut diraikan pada majlis tersebut.

Selain jamuan makan tengah hari, para penerima juga turut membentangkan video bertemakan Visi Penang2030 serta berkongsi pengalaman masing-masing berkaitan PFF.



IZZAH Zahirah Ahmad Suhaimi.

Salah seorang penerima, **IZZAH ZAHIRAH AHMAD SUHAIMI**, 20, yang sedang menuntut dalam jurusan pergigian memberitahu bahawa biasiswa PFF sangat membantu dalam meringankan beban kewangan keluarganya.

"Pengajian dalam jurusan pergigian agak panjang berbanding bidang-bidang lain, iaitu memerlukan masa kira-kira lima tahun.

"Kalau ikutkan, memang banyak wang perlu dikeluarkan oleh ibu bapa saya setiap tahun bagi menampung yuran pengajian.

"Oleh itu, saya bersyukur kerana menjadi salah seorang penerima biasiswa BFF yang turut menyediakan elaun bulanan dan pemberian ini telah menaikkan semangat saya untuk belajar bersungguh-sungguh," ujar anak jati Bukit Mertajam yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi, Selangor.



NUR Liyana Mastura Rusli.

Seorang lagi penerima, **NUR LIYANA MASTURA RUSLI**, 23, berpendapat bahawa biasiswa seperti PFF perlu diwujudkan di setiap negeri bagi membantu pelajar-pelajar cemerlang yang mempunyai kewangan terhad.

"Bagi saya, PFF bukan mengenai duit semata-mata tetapi lebih kepada tujuan membentuk generasi masa hadapan yang lebih cemerlang, berpengetahuan serta memenuhi pasaran kerja.

"Ia secara tidak langsung mampu meningkatkan ekonomi negara dan menghasilkan tenaga kerja yang pakar serta mampu menghasilkan sesuatu dalam bidang R&D (penyelidikan dan pembangunan),'' ujarnya.

Nur Liyana Mastura yang pernah mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tunku Ampuan Rahimah Klang, Selangor percaya bahawa Pulau Pinang sememangnya mampu menjadi negeri pintar dan maju pada masa hadapan.

"Melihat kepada pembentangan yang kami lakukan hari ini, ia jelas menunjukkan potensi Pulau Pinang untuk mencapai matlamat Penang2030 adalah amat cerah dengan pengenalan aplikasi baharu, dasar teknologi hijau serta banyak lagi," katanya yang sedang menuntut dalam bidang perakaunan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Puncak Alam, Selangor.

**ANTOINETTE ANNE NATHAN**, 20, pula berazam untuk kembali berkhidmat di Pulau Pinang selepas menamatkan pengajiannya kelak.

"Lepas belajar sudah tentu saya ingin kerja di Pulau Pinang, *I love Penang*... saya rasa macam bertanggungjawab untuk berkhidmat serta menambah tenaga pakar di sini.

"Atas sebab itu juga saya pilih jurusan Kejuruteraaan Elektronik yang mana saya rasa peluang pekerjaan adalah amat luas memandangkan Pulau Pinang merupakan sebuah negeri perindustrian," ulas beliau.



ANTOINETTE Anne Nathan.




SEBAHAGIAN pelajar yang membuat pembentangan khas.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI



Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# Seni adalah milik semua



LUKISAN 'Monalisa Malaysia' yang menarik perhatian Yeoh Soon Hin (kiri sekali).

Oleh : **SUNARTI YUSOFF & YAP LEE YING**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BALAI** Seni Lukis Negeri Pulau Pinang (BSLNPP) yang terletak di Aras Bawah, Dewan Sri Pinang merupakan satu lagi produk pelancongan Pulau Pinang yang menjanjikan pengalaman tersendiri buat pengunjung.

Ditubuhkan pada tahun 1964, BSLNPP pada awalnya dipertanggungjawabkan untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukan di bawah Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, 1972.

Selain itu, BSLNPP berfungsi mengumpul, mengkaji, memelihara dan mempamerkan khazanah warisan negeri serta budaya dengan menggalakkan pameran-pemeran berbentuk pendidikan selain melakukan kerja-kerja konservasi asas pada lukisan-lukisan tetap sepanjang tahun.

## Keunikan

Menurut Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin, sebanyak 1,400 karya dengan ciri-ciri keunikan tersendiri dipamerkan di galeri berkenaan sejak 1965 hingga Ogos lalu.



LEE Khai.

“Karya-karya yang dipamerkan ini terdiri daripada lukisan cat air, lukisan cat minyak, akrilik, arca, tekstil, seramik, instalasi, fotografi, media campuran, video dan bahan-bahan lain.

"Keutamaan dalam pemilihan karya diberikan kepada para pelukis kelahiran Pulau Pinang, seterusnya pelukis-pelukis tempatan yang aktif di persada seni, pelukis-pelukis Asia dan antarabangsa yang pernah mengadakan pameran di sini," katanya semasa mengadakan wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara baru-baru ini.



SEBAHAGIAN produk yang dijual di kedai cenderamata BSLNPP.

Turut sama, Pengerusi BSLNPP, Lee Khai dan Kurator Kurator Muzium & BSLNPP, Haryany Mohamad.

Jelas Soon Hin, BSLNPP bukan sekadar mempamerkan lukisan-lukisan terkini, malah pengunjung juga boleh menghayati koleksi-koleksi karya tetap BSLNPP seawal tahun 1800 antaranya *Historical Paintings* oleh Kapten Robert Smith dan William Daniel.

“Selain itu, terdapat juga karya-karya yang dihasilkan oleh pelukis perintis Pulau Pinang seperti Datuk Chuah Thean Teng, Yong Mun Seng, Datuk Hoessein Enas, Abdullah Ariff, Datuk Tay Hooi Keat Khaw Sia dan ramai lagi.

“Karya-karya kontemporari negara bertaraf dunia juga turut dipamerkan di galeri seni ini termasuk karya oleh Allahyarham Datuk Syed Ahmad jamal, Datuk ‘Syarifah Fatimah Zubir, Dr. Chew Teng Beng, Dr. Joly Koh dan Khoo Sui Hoe.

“Malah, kita juga ada lukisan 'Monalisa Malaysia' yang turut menarik perhatian saya,” ujar beliau yang turut menyatakan bahan-bahan pameran yang dipamerkan adalah tidak statik sebaliknya berubah mengikut kesesuaian serta tema dari semasa ke semasa.



SEBAHAGIAN karya yang dipamerkan.

Tambah Soon Hin, serentak itu, pengunjung juga berpeluang melihat pameran-pameran terkini anjuran BSLNPP yang diadakan secara berskala termasuk pameran kolaborasi bersama institut dan organisasi antarabangsa.

"Japan Foundation Kuala Lumpur, *Alliance Francaise*, Thailand serta negara-negara Asia dan Eropah antara institut Asia dan antarabangsa yang pernah mengadakan pameran mereka di sini," ulasnya.

Malah, Lee Khai memberitahu bahawa kepada mana-mana artis atau pihak yang ingin menyumbang atau berminat untuk membeli produk-produk seni adalah amat digalakkan dan boleh menghubungi BSLNPP.



“Kami amat berbesar hati sekiranya terdapat pihak yang berbuat demikian yang mana selain menambah rakan-rakan dalam industri sedia ada, ia juga mampu menambah koleksi sedia ada di sini dan secara tidak langsung memartabatkan artis-artis tempatan khususnya Pulau Pinang,’’ jelasnya.

## Cabaran

Menyentuh aspek cabaran yang terpaksa didepani dalam membangun serta memperkenalkan BSLNPP ke peringkat lebih tinggi, Soon Hin menjelaskan bahawa aspek peruntukan masih lagi menjadi perkara yang perlu diatasi.

Menurutnya, pada masa ini, BSLNPP dan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang menerima peruntukan daripada kerajaan Negeri dan kerajaan Persekutuan berjumlah RM3 juta setahun bagi menjalankan seluruh operasi termasuk bayaran gaji pekerja, utiliti, selenggaraan dan pelbagai lagi.

*(Sambungan di muka 28).*

# Pemandu kereta api Bukit Bendera bersara selepas tiga generasi

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



**MEMERHATIKAN** papan operasi kereta api funikular yang kini menggunakan sistem komputer sepenuhnya.

**SELEPAS** berkhidmat selama 43 tahun bermula 16 Ogos 1976, pemandu kereta api kabel atau funikular Bukit Bendera **N. CHANDRASEKARAN**, 64, akhirnya mengambil keputusan untuk bersara pada 22 Ogos lalu.

Beliau yang lebih dikenali sebagai MGR merupakan generasi ketiga dalam keluarganya yang pernah menyumbang bakti kepada pembangunan Bukit Bendera.

Datuk beliau juga berkhidmat untuk Keretapi Bukit Bendera (KBB) selama 33 tahun mulai tahun 1932, diikuti oleh bapanya (35 tahun) sebelum tanggungjawab tersebut diserahkan kepada Chandrasekaran.

Ketika ditemui Buletin Mutiara, Chandrasekaran berkata, beliau terpaksa mengambil keputusan tersebut bagi memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap keluarga.



N. Chandrasekaran menunjukkan gambar datuk dan ayahnya semasa berkhidmat sebagai pemandu funikular Bukit Bendera.

"Saya mula bekerja dengan KBB pada tahun 1976 sebagai tukang sapu, kemudian dilantik menjadi *'porter'* pada tahun 1982, dan menyertai ayah saya sebagai pemandu kereta api pada tahun 1984 sehingga kini," katanya yang dilahirkan serta dibesarkan di Bukit Bendera.

Jelasnya, beliau juga telah menyaksikan transformasi perkhidmatan funikular daripada gerabak kayu kepada gerabak kaca gentian.

"Pada masa itu, kami terpaksa menghentikan kereta api secara manual serta perlu membuka dan menutup pintu penumpang.

"Hari ini, operasi menjadi lebih mudah kerana semua sistem kawalan menggunakan komputer dan setiap gerabak juga dilengkapi dengan penyaman udara," ujar Chandrasekaran.

Bercerita lanjut, beliau memberitahu bahawa banyak pengalaman pahit dan manis ditempuhi sepanjang tempoh bertugas.

"Kejadian bencana ribut pada November 2017 yang melanda Pulau Pinang antara kejadian yang paling sukar untuk dilupakan.

"Pada masa itu, saya melihat banyak pokok tumbang serta tumbuh-tumbuhan hijau telah musnah… kejadian itu meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri saya.

"Selain itu, banyak juga kenangan manis yang saya alami sepanjang 43 tahun saya bertugas.

"Antara yang paling saya ingati adalah semasa saya menyelamatkan haiwan sedang menyeberangi trek yang mana pada masa itu kami berhentikan kereta api dan mengalihkan haiwan itu keluar, "katanya yang melakukan perjalanan selama 100 kali dalam masa sehari.

Selain perwatakan yang ceria, Chanderasekaran juga adalah seorang kakitangan cemerlang berdasarkan beberapa pencapaian diterima beliau antaranya Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (2003 dan 2009), Pingat Bakti Setia (2012) dan Pingat Jasa Kebaktian (2018).

Bapa kepada dua cahaya mata itu juga menyatakan bahawa beliau akan menghabiskan lebih banyak masa bersama keluarganya selepas bersara terutamanya setelah cucu beliau kini sudah berusia sembilan bulan.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Dato' Cheok Lay Leng menyifatkan Chandrasekaran sebagai seorang kakitangan yang ceria dan sangat berdedikasi

"Tidak kira hujan atau panas, beliau akan datang ke pejabat dengan senyuman, dan mungkin sebab itulah beliau selalu kelihatan bertenaga.

"Semangat dan dedikasi yang ditunjukkan beliau pasti akan menjadi contoh kepada generasi muda.

"Walaupun sudah bersara tetapi kami akan tetap memberikan beliau layanan yang istimewa, dan kami sentiasa mengalu-alukan kunjungan beliau pada masa akan datang," katanya ketika ditemui.

Difahamkan, PHC kini mempunyai enam pemandu bagi perkhidmatan funikular Bukit Bendera.



**BERGAMBAR** kenangan bersama-sama Cheok Lay Leng (duduk, dua dari kiri) dan kakitangan PHC.

# Koperasi sekolah diseru ceburi bidang lebih kompetitif

**SEBERANG JAYA –** Peranan utama penubuhan koperasi sekolah adalah untuk mendidik pelajar dalam bidang keusahawanan berlandaskan kepada prinsip serta nilai berkoperasi.

Mengulas lanjut, Ahli Jawatankuasa bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Pembangunan Keusahawanan, Mohd. Tuah Ismail menyarankan agar pihak koperasi sekolah menceburi bidang lebih kompetitif dan tidak hanya tertumpu kepada aktiviti sedia ada seperti menjual buku, sebagai usaha untuk melonjakkan pencapaian perolehan yang lebih tinggi.

"Hal ini disebabkan tumpuan perniagaan buku lebih bersifat bermusim iaitu permintaan amat menggalakkan hanya pada musim pendaftaran sesi persekolahan di awal tahun sahaja.

"Apabila memasuki suku tahun kedua dan ketiga, permintaan untuk keperluan tersebut akan turun dan mendatar," ujarnya pada Majlis Penutup Konvensyen Young Entrepreneur Strive for Success (YESS) Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang, Zakaria Mat Jusoh; Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang, Asuat Ahmad; barisan panel juri dan guru-guru terlibat.



**MOHD. Tuah Ismail, jawatankuasa penganjur, barisan jemputan dan para peserta bergambar kenangan sejurus Majlis Penutup Konvensyen YESS Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Mohd. Tuah yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong berkata, langkah berkaitan adalah tepat sebagai usaha berterusan dalam memastikan koperasi sekolah dapat menjana idea-idea baharu dalam penciptaan produk yang mempunyai nilai tambah dan kompetitif untuk dipasarkan.

"Saranan dan galakan SKM untuk koperasi sekolah melebarkan sayap perniagaan dengan menjalankan aktiviti lain seperti perladangan, penginapan hotel bajet, kontrak pembersihan kawasan sekolah, kedai dobi, kafeteria dan sebagainya disahut dengan pelan tindakan dan pelaksanaan aktiviti yang baik," jelasnya.

Sempena Konvensyen YESS berkaitan, pertandingan mencipta dan mempromosikan produk oleh koperasi-koperasi sekolah turut diadakan.

Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/ *Electronic Funds Transfer* (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tuntutan).

Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di *www.isejahtera.penang.gov.my* dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.

**SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA**

Pautan URL : https://isejahtera.penang.gov.my







# Program Jantung Sihat, Hidup Ceria galak umum amal gaya hidup sihat

**BAYAN LEPAS** – Program Jantung Sihat, Hidup Ceria anjuran Hospital Pantai Pulau Pinang adalah bertujuan mewujudkan kesedaran mengenai kesihatan jantung serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pantai Pulau Pinang, Pan Wen Lek berkata, penganjuran program berkenaan merupakan salah satu kempen di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) hospital berkenaan bagi menyalurkan maklumat berkaitan penyakit kardiovaskular.

"Dengan memberi maklumat atau pendedahan tentang pencegahan, pengesanan, rawatan dan juga faktor risiko serangan jantung, kami (Hospital Pantai Pulau Pinang) berharap ianya akan dapat meningkatkan kualiti hidup warga negeri.

"Selain itu, saya ingin memperkenalkan kempen terbaharu kami iaitu Inisiatif Kejiranan Sihat dan aplikasi PantaiPG App 2.0 kepada warga negeri," katanya pada penganjuran berkaitan yang berlangsung dekat Padang Persatuan Penduduk Taman Sri Nibong di sini 7 September lalu.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail; Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Nibong Besar, Mohd. Shawal Ahmed dan Pengerusi MPKK Sungai Nibong Pantai, Rusli Abdul Rashid.

Turut hadir, Pengerusi MPKK Sungai Nibong Kecil, Ramli; *'Community Health Leader'* (COMBI), Prof. Madya Dr. Wong Chow Jeng dan Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Sri Nibong, Jeffrey Ho Thin Chow.

Mengulas lanjut, Wen Lek memaklumkan bahawa Inisiatif Kejiranan Sihat yang bakal dilancarkan pada 20 Oktober ini merupakan salah satu perkhidmatan tambahan kepada komuniti setempat khususnya yang berada dalam lingkungan 10 kilometer (km) dari Hospital Pantai Pulau Pinang.

"Kedua, aplikasi PantaiPG App 2.0 bukan hanya menyediakan perkhidmatan kepada pesakit malah juga kemudahan temu janji dengan doktor melalui telefon pintar dan membantu mengesan klinik yang berdekatan berdasarkan lokasi doktor ataupun pesakit.

"Justeru, inisiatif yang dilaksanakan oleh Hospital Pantai Pulau Pinang adalah untuk membantu serta memudahkan komuniti supaya dapat mengakses pelbagai kemudahan terhadap perkhidmatan kesihatan," jelasnya.

Difahamkan kira-kira 800 pengunjung mengunakan pelbagai perkhidmatan pemeriksaan kesihatan di kaunter-kaunter disediakan sepanjang program berlangsung.

# Penjenamaan semula PPR, Kerajaan Negeri tetap bertegas

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**



(Barisan depan, dari kiri), ONG Ah Teong, Jagdeep Singh Deo dan R.S.N. Rayer pada sidang media di sini baru-baru ini.

**BATU LANCANG –** Cadangan penjenamaan semula Projek Perumahan Rakyat (PPR) oleh Kerajaan Persekutuan diharap tidak meminggir serta menjejaskan akses kumpulan isi rumah berpendapatan rendah (B40) untuk mendapatkan kediaman berkenaan.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, secara dasarnya Kerajaan Negeri mengalu-alukan penjenamaan semula berkaitan, namun harga yang dicadangkan daripada RM90,000 hingga RM300,000 adalah tidak munasabah kepada golongan sasar.

"Kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) mengalu-alukan penjenamaan semula PPR ini, tetapi dalam proses tersebut perlu dipastikan harga yang ditawarkan adalah berpatutan kepada golongan berkenaan yang rata-ratanya dalam kalangan B40 dan miskin tegar.

"Jika itu harga yang dicadangkan, saya percaya golongan ini tidak mampu sama sekali, walhal di Pulau Pinang sememangnya di pasaran kita mempunyai rumah (kos rendah) dengan harga kawalan RM42,000 sahaja yang mana ia sekali ganda lebih murah daripada harga PPR yang dicadangkan," tegasnya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Pengecatan Rumah Pangsa Batu Lancang di sini 14 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; R.S.N. Rayer (Ahli Parlimen Jelutong) dan 'Ainul Fadhilah Samsudi (Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri).

Difahamkan, pada 20 Oktober lalu, Zuraida melalui sepucuk surat yang dihantar kepada Ketua Menteri telah memaklumkan mengenai cadangan penjemaan semula PPR tersebut.

Menurut Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat, isi kandungan surat tersebut antara lainnya memohon pertimbangan dan persetujuan pihak Kerajaan Negeri untuk menggunakan kaedah yang dinyatakan bagi membangunkan PPR di kelima-lima bidang tanah dekat lima daerah di Pulau Pinang yang dicadangkan sebelum ini.

"Menteri perlu faham ekosistem perumahan di negeri ini sebelum sebarang keputusan dibuat, kerana kita ada rumah yang jauh lebih murah daripada harga yang dicadangkan, jika lain negeri bersetuju dengan cadangan ini… terpulang.

"Saya akan berbincang lanjut dengan Ketua Menteri, kita akan buat *'counter offer proposal'* yang mana jika PPR akan dilaksanakan melalui kaedah jual beli, ia mestilah ditetapkan bawah daripada kadar RM42,000.

"Contohnya, seperti projek PPR di Kampung Tok Suboh, iaitu sebelum keputusan dibuat, Menteri telah bersetuju supaya PPR di sana diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan difahamkan bahawa kaedah yang diguna pakai adalah sewa pada tahun pertama, tahun kedua dan seterusnya adalah jual beli… tapi itu tidak apa sebab harga yang ditawarkan adalah RM35,000 sahaja," jelas beliau.




# MBSP lancar hala tuju strategik ke arah bandar raya mampan 2022

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA** – Seiring dengan pemasyhuran Seberang Perai sebagai bandar raya, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melancarkan dokumen Hala Tuju Strategik Ke Arah Bandar Raya Seberang Perai Yang Mampan dan Lestari sebagai pelan jangka pendek.

Dokumen tersebut dilancarkan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo dekat Lobi Menara Bandaraya MBSP Bandar Perda di sini 17 September lalu.

Jagdeep berkata, dokumen tersebut mengandungi 18 program dan enam garis panduan baru yang akan dilaksanakan MBSP dalam tempoh tiga bulan selepas berstatus bandar raya untuk membawa perubahan dinamik kepada penduduk Seberang Perai.

"Tumpuan utama akan diberikan melalui hala tuju ini adalah penaiktarafan premis-premis makanan yang mana kita mahu sekurang-kurangnya 70 peratus daripadanya berada pada Gred A dan Greb B (30 peratus) menjelang tahun 2020.




Jagdeep Singh Deo (berdiri, tiga dari kiri) menyaksikan Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Rakan Strategik MBSP antara wakil pertubuhan antarabangsa, institusi pengajian tinggi serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di sini baru-baru ini.

"Begitu juga dengan tahap kebersihan di pasar-pasar awam yang mana sekurang-kurangnya 50 peratus pasar awam di Seberang Perai perlu berada pada Gred A dan 50 peratus lagi, Gred B.

"Beberapa undang-undang kecil juga akan digubal bagi memberi kuasa kepada MBSP untuk menutup mana-mana premis yang didapati tidak mencapai syarat-syarat pelesenan, tahap kesihatan atau gred-gred ditetapkan," katanya pada sidang media selepas pelancaran dokumen berkenaan.

Turut serta, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-Ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod serta Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Nur'Aishah Md. Norodin.

Mengulas lanjut, Jagdeep menjelaskan bahawa pelbagai program untuk pembangunan ekonomi tempatan bakal dilaksana di bawah pelan berkenaan yang memberi fokus kepada golongan berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).

"Paling penting adalah tema MBSP iaitu untuk menjadi bandar raya rendah karbon melalui pelaksanaan pelbagai strategi termasuk pengangkutan hijau, bangunan hijau, infrastruktur hijau, penghasilan serta penggunaan yang mampan.

"Selain itu, pelbagai langkah telah diambil untuk menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan pintar selaras dengan Visi Penang2030 yang memberi keutamaan ke arah menjadi Negeri Pintar," ujarnya.

Dalam pada itu, Rozali menegaskan bahawa penaiktarafan MBSP bukan hanya pada nama sahaja sebaliknya berserta perubahan-perubahan yang dimahukan oleh seluruh penduduk Seberang Perai.

"Justeru, saya bersama-sama dengan Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan serta 'Wira Oren' akan melaksanakan hala tuju ditetapkan, dan saya yakin penduduk akan merasakan perubahan kerana cadangan-cadangan ini adalah hasil daripada sesi perbincangan bersama," hurainya.

Difahamkan, enam garis panduan baru dilancarkan MBSP adalah melibatkan Garis Panduan Trak Makanan, Garis Panduan Pusat Mencuci Kenderaan Sementara Secara Manual, Garis Panduan Lesen Bertempoh, Garis Panduan Permit Sementara Perniagaan, Garis Panduan Penyediaan Pemasangan Lampu Jalan dan Garis Panduan Penyediaan Laluan Berbasikal.

## Projek penanaman padi model pengurusan ekologi lebih mesra alam dilaksana

**PENANTI** – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM), Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Pulau Pinang melaksanakan projek penanaman padi model pengurusan ekologi yang lebih mesra alam.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, langkah tersebut merupakan usaha ke arah memperkenalkan teknologi pengurusan pengeluaran padi organik yang bersih, halal, cekap tenaga dan selamat.

"Projek ini juga dapat melestarikan peningkatan penghasilan padi dan pendapatan, kesihatan petani, komuniti setempat serta pengguna amnya.

"Strategi pertanian padi mesra alam yang dicadangkan ini menekankan perlindungan tumbuhan dan peningkatan produktiviti melalui kecekapan penjimatan sumber dengan penggunaan kaedah semula jadi bagi menggantikan amalan penanaman konvensional," katanya semasa merasmikan program Menuai Padi Petak Model Pengurusan Ekologi dekat Pejabat Koperasi Kerjaya Permatang Nibong di sini 9 September lalu.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa Kampung Permatang Nibong dipilih untuk melaksanakan projek berkenaan melalui lima fasa iaitu taklimat pengenalan projek, sesi bengkel latihan petani, projek perintis di sawah petani, penanaman dan penjagaan padi serta latihan tuaian.



SR. Rozali Mohamud (berbaju hitam) bersama-sama penduduk Kampung Permatang Nibong menyempurnakan gimik proses menuai padi bersempena program Menuai Padi Petak Model Pengurusan Ekologi di sini baru-baru ini.

"Projek ini secara langsung dapat menjadi pemacu strategi pertanian organik lebih lestari ke arah ekonomi hijau dan apabila ia berjaya kelak.

"Malah, ia juga berpotensi menjana usaha serta inovasi baru yang lain khasnya produk hiliran dan sampingan termasuk produk agro serta ekopelancongan," ujarnya.

## Patung beruang kursus menjahit khas kepada pesakit Wad Kanak-kanak HPP

**SERI DELIMA** – Sejumlah 30 patung beruang comel berjaya dihasilkan para peserta kursus Program Cuba-cuba Menjahit Siri IV yang dianjurkan dekat Perpustakaan Taman Tun Sardon baru-baru ini.



BEBERAPA peserta mengadakan perbincangan pada penganjuran Program Cuba-cuba Menjahit Siri IV di sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Khidmat Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin berkata, program anjuran pihak berkuasa tempatan (PBT) melalui tajaan jenama mesin menjahit terkemuka, *Singer* tersebut memberi peluang kepada para peserta untuk mempelajari asas-asas seni jahitan.

"Terima kasih kepada pihak *Singer* kerana sudi menyediakan tajaan peralatan seperti mesin jahitan dan juga tenaga pengajar bagi melatih para peserta kursus.

"Hasilnya, sebanyak 30 *teddy bear* (patung beruang) comel berjaya dihasilkan daripada kelas yang berlangsung selama dua hari bermula pada 14 hingga 15 September lalu.

"Beruang-beruang comel ini akan diedarkan kepada pesakit-pesakit di wad kanak-kanak Hospital Pulau Pinang (HPP)," ujarnya ketika penganjuran kursus berkaitan pada 15 September lalu.

Hadir sama, Pengurus Kawasan Singer (Malaysia) Sdn. Bhd., S. Povaneswaran.

Di akhir program, para peserta turut diberikan sijil penyertaan.

# Bajet 2020 MBPP, fokus tingkat kemudahan awam dan prasarana

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memperuntukkan perbelanjaan RM465.96 juta bagi Bajet 2020.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, Bajet 2020 merupakan satu bajet defisit sebanyak RM14.26 juta dengan anggaran hasil sebanyak RM451.70 juta berbanding anggaran perbelanjaan.

"Daripada anggaran keseluruhan bajet, 74.52 peratus daripadanya atau bersamaan RM347.24 juta diperuntukkan kepada perbelanjaan mengurus, demi untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dan membekalkan perkhidmatan terbaik kepada warga Pulau Pinang.

"Manakala, bakinya 25.48 peratus (RM118.72 juta) akan disalurkan kepada pembangunan terutamanya penyediaan kemudahan awam.

"Bajet (2020) yang dirangka ini akan memberikan penekanan kepada lima fokus utama iaitu peruntukan sejumlah RM118.83 juta dicadangkan demi meningkatkan kemudahan awam dan prasarana, diikuti kebersihan (RM71.15 juta), keselamatan (RM11.37 juta), kehijauan (RM9.11 juta) dan sihat (RM1.53 juta)," ujarnya ketika membentangkan Ucapan Bajet 2020 MBPP di Dewan Bandaraya dekat sini 18 September lalu.



**AR. Yew Tung Seang (barisan depan, tiga dari kanan) serta barisan kepimpinan MBPP meneliti dokumen Bajet 2020 pihak berkuasa tempatan tersebut sejurus pembentangannya di sini baru-baru ini.**

Penyediaan Bajet 2020 adalah bermatlamatkan perbelanjaan berhemah dengan mengutamakan kesejahteraan pembayar cukai selaras dengan tema Bandaraya Pintar, Mampan dan Sejahtera.

Jelas beliau, tema tersebut adalah selaras dengan visi MBPP iaitu 'Menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya pintar, kreatif dan cergas serta memiliki budaya dan warisan di peringkat global (*local* dan global) dengan memberikan tumpuan kepada sosio-politik, ekonomi serta budaya negeri.

"Sejajar dengan visi ke arah bandar pintar, sejumlah RM3.88 juta akan diagihkan di bawah domain *Smart Governance* bagi pendigitalan perkhidmatan-perkhidmatan Majlis sebagai persediaan ke arah pelaksanaan Data Raya Majlis.

"Manakala, RM4.94 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan pengurusan trafik di bawah domain *Smart Mobility* dan melalui inisiatif *Smart Community's* (RM0.18 juta).

"Selain itu, pelbagai projek pembangunan telah dirancang untuk mengoptimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan awam dengan menaik taraf pasar kompleks makanan, tapak penjaja, pusat sampah dan kemudahan awam lain," ujarnya.

Selain itu, Tung Seang turut memaklumkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ketika kunjungan Ketua Setiausahanya ke Pulau Pinang baru-baru ini telah mengumumkan peruntukan khas kepada MBPP sebanyak RM1 juta, yang mana RM0.5 juta diperuntukan untuk pelaksanaan projek LED dan bakinya bagi projek-projek MBPP yang lain.

"MBPP juga akan memohon peruntukan di bawah Geran Penyelenggaraan Jalan sebanyak RM33.0 juta daripada Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan jalan, parit, laluan pejalan kaki, lampu isyarat dan sebagainya yang meliputi jalan-jalan yang berdaftar di bawah Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS)," katanya sebelum memohon pertimbangan dan kelulusan Mesyuarat Khas Majlis mengikut peruntukan Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

## Tukar parit monsun Taman Komuniti seindah sungai Cheong Gye Cheon, hasrat Datuk Bandar

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman sendiri melepaskan kira-kira 200 ekor ikan talapia merah ke dalam parit monsun bersebelahan *Upcycle Park*, pada acara kemuncak program pencahayaan Koridor Hijau sempena pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di sini.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye dan beberapa Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Dalam wawancara eksklusif bersama Buletin Mutiara, Datuk Bandar bagi MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pentadbirannya berhasrat membersihkan air parit monsun di Taman Komuniti sepanjang 1,175 meter (m) agar seindah Sungai Cheong Gye Cheon dekat negara Korea Selatan.

"Dua dari tiga komponen projek bagi Koridor Hijau di sini boleh dikatakan berjaya direalisasikan (iaitu) *Upcycle Park* oleh 'Wira Oren' (pekerja bahagian pembersihan).



**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan pertama, kanan sekali) dan Sr. Rozali Mohamud (berkopiah) pada Majlis Pencahayaan Koridor Hijau *Upcycle Park* MBPP sempena pemasyhuran MBSP di sini baru-baru ini.**



**SUASANA pencahayaan di *Upcycle Park MBSP*.**

"Taman Tasek Tecoma pula, pokok-pokok disumbangkan oleh sektor korporat seperti syarikat pemaju, juga Ahli-ahli Majlis MBSP serta penduduk…ada 700 pokok Tecoma *(Tabebuia spp.)* yang ditanam sempena Hari Kebangsaan ke-60 pada 27 Ogos 2017 dalam Program Penanaman serentak 3,000 pokok Tecoma di seluruh Seberang Perai.

"Ada satu projek lagi akan kita laksanakan di Koridor Hijau di sini (iaitu) kita (MBSP) nak ubah parit monsun (Taman Komuniti) berhampiran masjid di sini menjadi kawasan tarikan pengunjung yang indah dan bersih.

"Sebagaimana sungai yang kotor, air sungai Cheong Gye Cheon kemudiannya bertukar menjadi begitu indah dan bersih, mengalir air sungai di tengah-tengah ibu kota Seoul dari barat ke timur, kita (MBSP) juga nak mengubah keadaan parit monsun di Taman Komuniti supaya dapat menjadi satu lagi tarikan baharu bagi MBSP," jelasnya semasa ditemui pada program berkenaan 17 September lalu.

Difahamkan, pada tahun 2003, Datuk Bandar Seoul, Lee Myung-Bak melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan semula sungai Cheong Gye Cheon sepanjang 8.4 kilometer (km).

Dalam tempoh dua tahun sahaja, sungai Cheong Gye Cheon muncul sebagai tarikan baharu pengunjung tempatan serta pelancong asing ke bandar raya tersebut.

# Konsep penanaman akuaponik pendedahan awal terhadap STEM



SEBAHAGIAN tanaman yang berjaya dihasilkan menerusi konsep penanaman akuaponik.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Konsep penanaman akuaponik yang diaplikasikan di dalam sektor pertanian dilihat dapat memberikan pendedahan awal kepada murid-murid sekolah berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen berkata, konsep penanaman akuaponik yang dibangunkan melalui kombinasi Sains, Teknologi dan Kejuruteraan tersebut juga dapat memberi kesedaran kepada pelajar berkaitan kesihatan makanan tanpa penggunaan racun kimia.

“Program penanaman akuaponik mampu memberikan inspirasi kepada pelajar-pelajar tentang penjagaan alam semula jadi dan pada masa sama mereka akan lebih memahami tentang kepentingan tumbuh-tumbuhan serta sayur-sayuran dalam kehidupan seharian.

“Ia juga merupakan sebuah program yang sangat kreatif serta inovatif untuk para pelajar melihat bagaimana ikan dan sayur-sayuran dapat hidup bersama secara saintifik.

“Justeru, saya berharap agar para pelajar dapat menghargai peluang ini dan belajar dengan lebih baik yang secara tidak langsung bakal membantu melahirkan bakat dalam bidang pertanian pada masa hadapan,” katanya selepas merasmikan



DANIEL Gooi Zi Sen (barisan depan, dua dari kanan) memerhatikan ikan-ikan hiasan yang diternak menggunakan kaedah akuaponik dekat Laman Sains SJKC Li Tek ‘B’ sejurus merasmikan pendekatan berkaitan di sini baru-baru ini.

program Penanaman Akuaponik dekat Laman Sains Sekolah Rendah Kebangsaan Cina (SJKC) Li Tek ‘B’ di sini 3 September lalu.

Mengulas lanjut, Zi Sen juga memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sejak 2008 telah memberikan sumbangan kepada sekolah-sekolah di negeri ini bagi menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa untuk para pelajar.

“Bantuan tersebut juga mampu meringankan beban pihak sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan lembaga pengurusan sekolah dalam aspek kewangan yang akhirnya dapat meningkatkan kualiti pengajaran,” ujarnya.

Pada majlis itu juga, Zi Sen turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM3,500 kepada kepada SJKC Li Tek ‘B’ untuk tujuan membaik pulih lantai di laman sains sekolah berkenaan yang runtuh baru-baru ini.

## Unit CDERT Sungai Pinang ditubuh urus bencana lebih cepat

**SUNGAI PINANG –** Penduduk sekitar kawasan Sungai Pinang kini boleh mendapatkan bantuan dalam tempoh masa lebih pantas daripada pasukan tindak balas kecemasan, *Civil Defence Emergency Response Team* (CDERT) berhubung sebarang bencana.

Pemangku Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Pulau Pinang, Mohd. Huzaimi Raup berkata, seramai 13 individu dari kawasan tersebut telah melengkapkan latihan selama 16 jam bagi membolehkan mereka bertindak ketika berlakunya kecemasan bencana.

Tambahnya, mereka yang menjalani latihan teori dan praktikal adalah terlatih serta dilengkapi dengan kemahiran yang sewajarnya untuk memberikan bantuan ketika banjir, kebakaran mahupun sebarang kecemasan.

“Penubuhan unit CDERT ini adalah satu inisiatif baik bagi pengurusan bencana, kerana pasukan adalah terdiri daripada orang awam tempatan, mereka yang pertama akan bertindak sebelum tibanya JPAM,” ujar beliau selepas menyampaikan sijil pelantikan kepada 13 anggota CDERT di Solok Sungai Pinang



LIM Siew Khim (duduk, lima dari kiri) dan Mohd. Huzaimi Raup (duduk, tengah) merakam gambar bersama-sama 13 anggota CDERT selepas majlis penyampaian sijil keanggotaan baru-baru ini di sini.

di sini pada 11 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Difahamkan penubuhan CDERT berkenaan adalah julung kali membabitkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang, manakala di Pulau Pinang terdapat lebih 50 unit CDERT di seluruh kawasan sejak ia diperkenalkan beberapa tahun lalu.

Dalam pada itu, Siew Khim memuji pembentukan unit (CDERT) berkenaan terutamanya dalam bersama membantu JPAM.

“Penduduk tempatan lebih arif dan tahu apa yang perlu dilakukan, mereka juga boleh membimbing serta membawa yang terjejas ke kawasan lebih selamat.

“Dalam masa terdekat, terdapat perancangan juga untuk membuka keanggotaan CDERT ini kepada penduduk tempatan yang berminat untuk berbakti,” jelasnya.

## Dua unit lif pangsapuri dibaik pulih hasil inisiatif ADUN



SOON Lip Chee.

**BAGAN JERMAL –** Penduduk Pangsapuri Widuri Blok D, di sini menarik nafas lega apabila dua unit lif yang rosak sejak sekian lama siap dibaik pulih menerusi bantuan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee.

“Pada April 2019, pihak pengurusan Pangsapuri Widuri Blok D telah membuat permohonan melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) untuk menaik taraf lif-lif tersebut yang menggugat keselamatan penduduk setempat.

“Justeru, permohonan tersebut telah diluluskan dan kerja penaiktarafan dua unit lif itu diberikan kepada kontraktor dengan amaun keseluruhan sebanyak RM224,560.

“Sebagai makluman, projek lif pertama telah siap pada 24 Jun 2019 dan diserahkan pada 12 Julai 2019, manakala lif kedua pula berjaya disiapkan pada 21 Ogos lalu,” katanya pada sidang media dekat pangsapuri berkenaan 13 September lalu.

Hadir sama, Pengerusi Pangsapuri Widuri Blok D, Lim Teik Chai dan wakil kontraktor, Sim Choo Keat.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa penggunaan lif adalah penting bagi penduduk yang mendiami rumah bertingkat terutamanya kepada kanak-kanak serta warga emas.

“Kerjasama semua pihak adalah penting supaya lif-lif ini bebas daripada gejala vandalisme seperti menconteng dan merosakkan butang-butang berkaitan di dalam lif itu.

“Oleh itu, saya minta para penduduk pangsapuri ini termasuk warga negeri supaya menghargai semua kemudahan yang diberikan, jagalah harta awam agar lebih baik, jangan ada vandalisme,” seru beliau yang juga Exco Belia dan Sukan.

Kedua-dua lif tersebut mempunyai pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) demi menjaga keselamatan penduduk pangsapuri itu.

# Pertukangan perabot kayu palet sedia platform lumayan kepada belia

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SERI DELIMA –** Kayu palet yang dahulunya dipandang sepi kini menjadi rebutan apabila digunakan sebagai perabot yang unik dan tahan lasak.

Bagi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid, perabot kayu palet mempunyai pasarannya yang tersendiri dan hasil buatan daripadanya adalah amat mengagumkan.

"Dalam keadaan ekonomi yang 'kurang sihat' kini, kita seharusnya menjadi lebih kreatif dan terus berusaha untuk menambah pendapatan dengan mengasah bakat pertukangan yang ada dalam diri belia.

"Selaras dengan itu, saya telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan projek perintis bengkel pembuatan perabot kayu palet bagi membolehkan golongan belia khasnya menceburi bidang pertukangan kayu seperti ini, sekaligus mampu memberi hasil yang lumayan.

"(Dan) insyaAllah akan menganjurkan bengkel susulan peringkat berikutnya pada Februari tahun hadapan," katanya ketika ditemui sejurus menyempurnakan penyampaian sijil kepada 16 peserta Bengkel Pembangunan Usahawan Muda Pembuatan Perabot Kayu Palet di Dewan Balai Rakyat Taman Tun Sardon dekat sini 8 September lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, N. Vijayan Kumar; Pengarah Khidmat Masyarakat Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rashidah Jalaludin serta pengasas *The Kayu Pallet* yang juga tenaga pengajar, Mohd. Khasfullizam Md. Saad.

Mengulas lanjut, Syerleena berharap bengkel tersebut dapat memberi manfaat kepada peserta dengan memperkenalkan asas pertukangan kayu palet.

"Ilmu yang diperoleh melalui bengkel ini saya harap dapat digunakan pada masa hadapan, dan saya doakan agar anda (peserta) semua berjaya mungkin sebagai usahawan muda dalam bidang penghasilan perabot kayu palet," katanya yang turut menyuarakan cadangan mengadakan bengkel khas untuk warga emas pada masa hadapan.

Dalam pada itu, **LOO CHING LIN**, 36, seorang suri rumah sepenuh masa ketika ditemui, percaya bahawa ilmu yang diperoleh tersebut amat berguna terutama dalam mengisi masa lapang.

"Sebelum ini, semasa di sekolah sahaja kita belajar tentang pertukangan iaitu melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup… selepas itu (tamat persekolahan) tidak lagi menggunakan ilmu itu.

"Jadi saya buat keputusan menyertai bengkel ini, dan saya suka melihat hasil akhir perabot kayu palet ini, sangat cantik dan praktikal," katanya yang merupakan satu-satunya peserta wanita.



PARA peserta dan tenaga pengajar bergambar kenangan sejurus menerima sijil menyertai Bengkel Pembangunan Usahawan Muda Pembuatan Perabot Kayu Palet di sini baru-baru ini.



LOO Ching Lin.



MUHAMAD Safwan Shah Mahadi.

Sanggup datang dari Tanah Merah, Kelantan, pemuda berusia 24 tahun, **MUHAMAD SAFWAN SHAH MAHADI**, sememangnya meminati kerja-kerja pertukangan.

"Sebelum ini saya pernah buat sikit-sikit projek (berasaskan kayu palet) ini, tapi masa itu tidak tahu sangat apa alat yang digunakan… jadi apabila sertai bengkel empat hari ini, saya (sudah) tahu nak buat meja laci dan perabot-perabot lain.

"Banyak ilmu yang saya peroleh kerana tenaga pengajar pun ajar satu persatu sehingga terhasilnya perabot," ujar pelajar Universitas Islam Al-Azhar Mataram (Unizar), Indonesia yang berminat untuk menjadikan pertukangan perabot kayu palet sebagai hobi.

Apabila ditanya sama ada akan menyertai bengkel susulan, pelajar bidang usuluddin dan kaunseling itu yakin beliau tidak akan melepaskan peluang tersebut.

Bengkel Pembangunan Usahawan Muda Pembuatan Kayu Palet diadakan selama empat hari bermula 5 hingga 8 September lalu dan disertai oleh 16 belia daripada pelbagai latar belakang serta kaum.

Menariknya, bengkel yang diadakan berkaitan adalah percuma dan ia merupakan inisiatif bersama pihak ADUN, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

## Walimatulurus Perdana Balik Pulau diteruskan

Gambar : **ADUN**

**PULAU BETONG –** Program Walimatulurus Perdana 3.0 Balik Pulau yang dianjurkan baru-baru ini menjadi pemudah cara bagi 10 pasangan pengantin melangsungkan perkahwinan.

Majlis tersebut merupakan anjuran bersama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Betong, Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau dan Masjid An-Nur Titi Teras.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, penganjuran program berkenaan adalah bertujuan mempercepatkan proses ijab dan kabul (akad nikah) bagi setiap pasangan.

Tambahnya, program itu juga membantu meringankan beban kewangan pasangan pengantin selain memberi perkhidmatan terbaik dalam menyempurnakan majlis walimatulurus.



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (barisan hadapan, kiri sekali) bersalaman dengan beberapa pasangan pengantin terlibat.



MOHD. Tuah Ismail (berbaju Melayu jingga) merakam gambar kenangan bersama-sama keluarga salah satu pasangan pengantin pada penganjuran Program Walimatulurus Perdana 3.0 Balik Pulau di sini baru-baru ini.

"Pihak penganjur cuma mengenakan bayaran RM3,000 bagi setiap pasangan dan mereka boleh menjemput 500 tetamu untuk hadir ke majlis ini.

"Selain itu, kita juga menyediakan khidmat jurugambar, album bergambar, makan beradab, sambutan kompang dan sebagainya… ibu bapa pengantin cuma perlu menyambut tetamu, itulah antara pemudah cara yang disediakan oleh penganjur," ujar beliau ketika ditemui Buletin Mutiara 8 September lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman serta Ahli Parlimen Balik Pulau merangkap Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Mengulas lanjut, Mohd. Tuah tidak menolak kemungkinan bagi meneruskan majlis tersebut pada tahun 2021 dengan beberapa penambahbaikan.

"Kita bercadang untuk buka tawaran kepada anak muda yang ingin mendirikan rumah tangga sekitar Pulau Pinang ini… dan kita juga cuba buka kepada mana-mana KADUN (kawasan Dewan Undangan Negeri) atau Parlimen yang ingin mengadakan majlis walimatulurus perdana ini, kita sedia membantu," serunya.

Difahamkan, kira-kira 5,000 tetamu hadir memeriahkan majlis tersebut yang berlangsung dekat Masjid An-Nur Titi Teras di sini.




**YEOH Soon Hin komited memperkasakan sektor pelancongan, warisan, kebudayaan dan kesenian negeri ini.**

# Balai Seni Lukis janji pengalaman unik

*(Sambungan dari muka 14).*

"Daripada jumlah itu, BSLNPP memperuntukkan jumlah RM250,000 bagi kos untuk menjalankan pelbagai penganjuran pameran, aktiviti dan program berkaitan seni visual seperti bengkel lukisan, seminar, lawatan berpandu untuk para pelajar sekolah serta lain-lain,'' ujar beliau.

Selain itu, menurut Soon Hin, BLSNPP juga turut berdepan masalah segi ruangan pameran yang agak terhad iaitu hanya 10,000 kaki persegi.

"Justeru, kita amat menyambut baik hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan *Penang Art District* (PAD) dekat Lembah Macallum yang mampu menjadi platform terbesar untuk mengembangkan seni di negeri ini," katanya.

Selain dua aspek tersebut, Soon Hin menyatakan bahawa cabaran lain yang terpaksa dihadapi adalah untuk mendidik masyarakat di negara ini khasnya di Pulau Pinang supaya menghargai serta mencintai seni yang merupakan salah satu bidang penting terutamanya kepada pelancongan.

"Kita lihat masyarakat di negara ini masih lagi kurang menghargai seni berbanding di negara-negara maju.

"Justeru, kita mengadakan pelbagai program di peringkat sekolah rendah dan menengah khasnya Bintang Kecil untuk mendedahkan mereka kepada bidang seni daripada usia muda.

"Selain itu, kita juga mengedarkan buku-buku terbitan BSLNPP kepada sekolah rendah sehingga ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negeri.

"Dan, memandangkan masih ramai yang belum mengetahui tentang galeri seni ini, maka kita telah menjalankan pelbagai promosi melalui dalam talian seperti media sosial termasuk laman web, *Facebook, Instagram* dan aplikasi.

"Di samping itu, kita juga mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berperanan mempromosikan produk pelancongan Pulau Pinang seperti *Penang Global Tourism* (PGT), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia serta lain-lain," jelasnya yang mula berjinak serta meminati bidang seni yang sebelum ini adalah amat asing kepada dirinya.

Mengulas lanjut, bagi Soon Hin, industri seni merupakan sebuah bidang yang sangat luas dan mampu dikembang serta dijadikan satu produk pelancongan yang amat berharga.

"Sejak kecil, saya memang tidak mempunyai bakat semulajadi untuk melukis dengan cantik, malah, minat di dalam bidang seni juga bukannya mendalam sangat.

"Kini, apabila memegang jawatan sebagai Exco bertanggungjawab, ia memaksa saya untuk mendalami bidang ini. Saya merasakan bahawa seni adalah sesuatu yang tenang, relaks dan unik… amat sukar digambarkan melalui kata-kata. Pokoknya, seni boleh menjadi sebahagian daripada kehidupan kita,'' kongsinya yang merupakan graduan dalam jurusan undang-undang.

Dalam pada itu, Lee Khai melihat pendedahan awal sebagai cabaran utama dalam menyemai minat terhadap seni di kalangan rakyat negara ini.

"Sekolah merupakan institusi yang penting. Para pelajar lazimnya perlu didedahkan pada peringkat awal dan dengan itu sebuah masyarakat yang menghargai seni boleh diwujudkan.

"Ini kerana, bagi saya, seni adalah milik semua terutamanya rakyat Pulau Pinang. Seni memainkan peranan penting dalam pencapaian pembangunan generasi masa depan terutamanya untuk muncul sebagai salah satu cabang ekonomi penting kelak,'' katanya yang merupakan peguam sepenuh masa.



**KOLEKSI karya tetap seawal tahun 1800 oleh Kapten Robert Smith dan William Daniel.**



**BONGKAH pokok durian pelbagai saiz dijadikan salah satu karya seni untuk dipamerkan.**

## Rancangan masa depan

Bagi perancangan masa depan, Soon Hin yakin dengan segala usaha yang dijalankan, BSLNPP mampu menjadi platform penting dalam membantu menarik lebih ramai kehadiran pelancong ke negeri ini.

Ulasnya, untuk menjadikan BSLNPP sentiasa relevan, pihaknya kini aktif mengelola program dan aktiviti berbentuk bicara seni, ceramah bengkel, seni persembahan artistik dan sebagainya sama ada di premis atau luar premis.

"Oleh itu, kita mengadakan sekurang-kurangnya 10 pameran dalam setahun yang merangkumi pameran solo, berkumpulan, persatuan, kolaborasi bersama institut dan organisasi antarabangsa," ujar beliau.

Menjelaskan usaha terbaru dijalankan, Soon Hin memberitahu bahawa BSLNPP kini telah dilengkapi dengan sebuah kedai cenderamata yang diilhamkan oleh beliau sendiri.

"*Gift shop* (kedai cenderamata) ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang mana produk-produk yang dijual di sini menggunakan logo baharu BSLNPP di samping barangan keluaran khas semasa pameran-pameran dianjurkan seperti pameran Zunar dan Retrospektif yang diadakan baru-baru ini.

"Oleh itu, bagi pengunjung yang datang ke sini, mereka bukan hanya berpeluang melawat pameran, tetapi juga boleh membawa pulang cenderahati eksklusif sebagai tanda ingatan seperti beg, t-shirt, buku-buku terbitan dan banyak lagi.

"Karya-karya lukisan dalam koleksi tetap juga dicetak dan turut dijual dalam saiz poskad," jelasnya yang menjadi pelanggan pertama kedai cenderamata BSLNPP.

Tambah Soon Hin, masih banyak usaha dirancang untuk memperkenalkan BSLNPP di peringkat antarabangsa termasuk memperkasakan koleksi tetap, meneliti kualiti pameran-pameran yang dijalankan melalui penjurian dan karya-karya dalam koleksi tetap dipamerkan secara bergilir-gilir bagi memberi peluang kepada pengunjung melihat keseluruhan koleksi yang ada.

"Kita juga merancang untuk menaikkan hadiah bagi Pertandingan Penang Art Open (PAO) yang diadakan setiap tahun bagi menggalakkan penyertaan pelukis-pelukis muda. Malah, kita juga ada program *Friends of Penang State Art Gallery* yang tidak kurang aktifnya," ujar beliau.

Mengakhiri bicara, Soon Hin Hin berkata, beliau berharap agar segala usaha yang dijalankan BSLNPP dapat membantu meningkatkan pembangunan seni di negeri ini untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

Difahamkan, BSLNPP dibuka pada setiap hari dari jam 9 pagi hingga 5 petang kecuali cuti umum, dan masuk adalah secara percuma.

Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang terletak di Aras Bawah, Dewan Sri Pinang 10200 Lebuh Light, George Town.

Jom, jangan lepaskan peluang menerokainya!



**SEKUMPULAN belia yang mengadakan kunjungan.**